Rintangan Perjuangan Dalam Kehidupan Pendakwah

Oleh Fathi Yakan

MUQADDIMAH

Buku ini adalah ringkasan dan intisari kuliah yang telah saya sampaikan dalam beberapa pertemuan yang membincangkan masalah pendidikan. Dalam huraiannya saya menyentuh beberapa halangan dan penderitaan yang sering dihadapi oleh para pendakwah Islam. Saya juga menyentuh beberapa ciri-ciri dan sifat **Imaniyyah** yang wajib dimiliki oleh seorang Da'ei yang menyeru kepada Allah Subhanahu Wata'ala, supaya mereka menjadi golongan **Rabbani,** mampu menghadapi sebarang cabaran dan dapat mengatasinya dengan berkat pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala. Buku ini mengandungi 4 persoalan asas:

PERTAMA — Menyentuh 5 jenis dugaan yang kerap menimpa seorang Muslim lebih-lebih lagi Da'ei yang beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala sebagai Tuhan, kepada Nabi Muhammad Sallallahu'alaihi Wasallam dan Al Qur'an; sebagai perlembagaan, serta ingin 'committed' dengan apa yang diyakininya. 5 jenis dugaan yang tersebut di dalam hadith Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam
itu ialah:

i) Orang Mukmin yang dengki kepadanya
ii) Orang Munafiq yang membencinya
iii) Orang kafir yang mahu memeranginya
iv) Syaitan yang hendak menyesatkannya
v) Nafsu yang sentiasa bertarung dengannya

KEDUA --- Menyentuh **muasafat Imaniyyah** yang mesti dimiliki oleh para aktivis Muslim dan Da'ei di setiap zaman dan tempat untuk menjadi manusia yang **Rabbani,** iaitu beberapa sifat-sifat yang terkandung di dalam ayat suci:

i) Orang yang sentiasa bertaubat
ii) Orang yang 'abid
iii) Orang yang sentiasa bertahmid memuji Allah Subhanahu Wata'ala
iv) Orang yang berpuasa atau berkelana
v) Orang yang rukuk dan sujud
vi) Orang yang sentiasa menyuruh yang ma'ruf, mencegah yang munkar
vii) Orang yang sentiasa menghormati batasan-batasan Allah Subhanahu Wata'ala

KETIGA — Menghuraikan bekalan yang harus ada pada penyeru ke jalan Allah Subhanahu Wata'ala untuk menuju hari pembalasan. Bekalan-bekalan tersebut dinyatakan oleh Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam dengan sabdanya:

i) Puasalah pada hari yang amat panas demi hari kebangkitan kelak
ii) Sembahyang 2 raka'at di malam yang gelap demi kelengangan kubur
iii) Tunaikanlah Haji demi kegigihan melaksanakan hal-hal yang sukar
iv) Bertuturlah dengan perkataan yang benar dan kuasailah diri dan memperkatakan yang bathil
v) Hulurkanlah sedekah dan tunaikan secara senyap-senyap

KEEMPAT —Huraian ini juga mengajukan beberapa dayung dan bahtera penyelamat. Para Da'ei Muslim, hendaklah mengenderainya moga-moga mereka sampai ke pantai bahagia di dunia dan di akhirat. Antara dayung dan bahtera tersebut ialah:

i) Mengenal Allah Subhanahu Wata'ala dan beriman kepadaNya
ii) Beribadah kepada Allah Subhnahu Wata'ala dan cenderung kepadaNya
iii) Mengingati Allah Subhanahu Wata'ala
iv) Takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala
v) Sentiasa bermuraqabah dengan Allah Subhanahu Wata'ala
vi) Ikhlas kepada Allah Subhanahu Wata'ala
vii) Redha
viii) Mengasihi Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam
ix) Mengasihi para sahabat Rasulullah Sallahu'alaihi Wasallam

Tujuan asas buku ini dan perbahasan yang terkandung di dalamnya ialah untuk menegaskan bahawa para Da'ei Muslim tidak akan mencapai kejayaan selama mereka belum bersifat "Rabbaniyyin" Sesungguhnya banyak persoalan penyelewengan, fitnah yang berlaku di dalam kehidupan dan perkembangan dakwah di sana sini. Hal ini adalah pertamanya kerana kecuaian para Da'ei itu sendiri menunaikan hak dan tanggungjawab terhadap diri sendiri. Kesibukan mereka di dalam kerja-kerja penyampaian dakwah telah mengurangkan 'commitment' mereka sendiri dan penyertaan mereka dengan kandungan dakwah itu sendiri. Selama belum tercapai interaksi antara Du'at dan Hidayah yang dikembangkan oleh mereka selagi itulah mereka tidak akan dapat menjadi penunjuk dan pembimbing orang lain.

Orang yang tidak memiliki sesuatu pasti tidak akan dapat memberikan apa-apa. OIeh sebab itu, hendaklah para Du'at memberi perhatian yang besar kepada proses penggarapan; lebih dari usaha penyampaian. Mereka hendaklah meningkatkan usaha-usaha penjernihan diri sendiri sebagai usaha untuk meningkatkan orang lain. Orang yang mendidik dirinya lebih wajar mendapat penghormatan dan orang yang mendidik manusia lain.

Sesungguhnya para Du'at dalam konteks menanggung beban perjuangan untuk menegakkan kebenaran Allah Subhanahu Wata'ala dan menyebarkan panji Allah Subhanahu Wata'ala bagi menegak negara Al Qur'an hendaklah menginsafi hakikat yang fundamental ini. Hal ini telah pun disebut oleh salah seorang pemimpin harakah semasa yang mendapat petunjuk dari Allah Subhanahu Wata'ala. Beliau berpesan:

"Wahai saudara, dirikanlah negara Al Qur'an di dalam hati sanubari saudara, niscaya Ia akan terbina pula di tanahair saudara."

Akhirnya marilah kita berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar memberi taufiq dalam amalan kita serta menganugerahkan keikhlasan dalam mengerjakannya. Di samping itu kita sentiasa beramal dan istiqamah dalam hidup.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman:

وَقُلِ اعْمَلُوا فَسَيَرَى اللّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَى عَالِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ (105)

"Katakanlah wahai Muhammad, hendaklah kalian berusaha, nescaya Allah Subhanahu Wata'ala, RasulNya dan orang-orang beriman akan melihat usaha kalian, kelak kalian akan dikembalikan ke alam ghaib dan syahadah lalu Allah Subhahahu Wata'ala menjelaskan kepada kalian apa sebenarnya yang telah kalian usahakan."
(Surah Al-Taubah: Ayat 105)

RINTANGAN PERJUANGAN KEHIDUPAN PENDAKWAH

Ketahuillah wahai saudaraku para juru dakwah, sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala pasti mengenakan cubaan kepadamu. Dia akan menguji hakikatmu. Benar-benar seperti yang pernah dinyatakannya di dalam Al Qur'an dengan firmanNya:

الم (1) أَحَسِبَ النَّاسُ أَن يُتْرَكُوا أَن يَقُولُوا آمَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ (2) وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ فَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلَيَعْلَمَنَّ الْكَاذِبِينَ (3)

"Aiff lam mim, Adakah manusia mengira bahawa mereka akan dibiarkan saja untuk mengaku bahawa 'Kami telah beriman dan sedangkan mereka tidak diuji lagi? Sesungguhnya Kami telah menguji orang-orang yang sebelum mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar dan sesungguhnya Dia mengetahui orang-orang yang dusta."

(Surah Al Ankabut 1-3)

Di dalam hadith dinyatakan:

الشد الناس بلاء الأ نبياء ثم الأ مثل فالأ مثل

"Orang yang paling berat dicuba ialah para Nabi kemudian yang paling baik selepasnya, kemudian orang yang paling baik selepas itu."

ان الله تعا لى اذا أحب ق ِ ماً ابتلا هم .فمن رضي فله الر ضى ومن سخط فله السخة

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala, apabila mengasihi satu kaum, dicubanya mereka itu (dengan berbagai cubaan), barangsiapa yang rela dengan cubaan itu maka mereka mendapat kerelaanNya (Allah Subhanahu Wata'ala) Barangsiapa yang benci (marah) maka baginya kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Pengakuan keimanan sebenarnya memerlukan kepada bukti. Jalan perjuangan (JIHAD) adalah jalan yang panjang penuh dengan derita dan sengsara.

حفت ألجنة با لمكا ر ه وحفت النار با لشهو ات

Jalan Syurga dihampiri oleh kesusahan manakala jalan ke Neraka dihampiri oleh keghairahan syahwat.

Dalam meniti liku dan lurah-lurah perjalanan ini kalaulah seorang Da'ei tidak berada di bawah lindungan Allah Subhanahu Wata'ala, tidak berhubung terus dengan Nya, tidak bertawakkal kepadaNya, tidak berpegang kepada KitabNya dan tidak pula mengikuti Sunnah NabiNya maka sebenarnya ia sedang berada di ambang bencana dan musibah yang besar.

Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam telah meramalkan cabaran dan dugaan-dugaan yang dihadapi oleh para Mukmin, Da'ei dan Mujahidin di jalan Allah Subhanahu Wata'ala.

Beliau bersabda:
Orang Mukmin sentiasa diambang 5 dugaan yang susah:

1. Mukmin yang dengki padanya
2. Munafiq yang benci kepadanya
3. Kafir yang memeranginya
4. Syaitan yang menyesatkannya
5. Nafsu yang sering bertarung untuk mengalahkannya

(Hadith ini telah ditakhrijkan oleh Abu Bakar Ibnu Lal dan hadith Anas dalam tajuk: "Akhlak Yang Luhur.")

Dalam hadith ini Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam, telah menghuraikan tentang fitnah dan kesusahan yang sewaktu-waktu boleh menimpa para Da'ei; supaya mereka dapat berhati-hati dan bersiap sedia. Mereka hendaklah menyiapkan bekalan yang cukup. Kiranya dengan demikian, mereka dapat mengatasi segala halangan dan rintangan dengan selamat.

Marilah kita melihat rintangan tersebut satu persatu mengkaji betapa bahayanya dan betapa pula kesannya. Dengan itu dapat kita menemukan cara-cara yang boleh diikuti untuk melepaskan diri daripadanya.

و الحكمة ضالة الملؤ من أنى وخد ها فهو أحق بها

Sungguhnya kebijaksanaan adalah laksana barang yang hilang dari seorang Mukmin. Maka di mana saja ia temui dialah yang berhak mengambilnya

RINTANGAN PERTAMA:

ORANG MUKMIN YANG DENGKI KEPADANYA

Sebagaimana lumrah diketahui hasad adalah penyakit hati yang amat berbahaya. Hasad boleh mengikis Iman seseorang Mukmin jika ia tidak cepat kembali siuman, bertaubat kepada Tuhan dan tidak dilimpahi 'Inayah dan Rahmat Subhanahu Wata'ala. Tepat seperti yang apa disabdakan oleh Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam:

دب اليكم داء الا مم قباكم , الحسد و البغضاء .والبغضاء هي الحا لقة .أما اني لا أقول تحلق الشعر ولكن تحلق الدين

"Penyakit umat sebelum kamu telah menular kepada kamu; iaitu hasad dengki dan permusuhan. Permusuhan tersebut ialah pengikis atau pencukur, Saya tidak maksudkan ia mencukur rambut, tetapi (yang saya maksudkan) ialah ia mengikis agama."

(Hadith riwayat Al-Baihaqi)

Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam bersabda lagi:

ما ذ ئبا ن جائعان أرسلا في زريبة غنم بأفسد لها من الحرص على المال و السد في دين المسلم .و ان الحسنات كما تأ كل النار الطب

"Bencana melepaskan dua ekor serigala lapar di dalam kandang kambing tidak lebih besar daripada bencana yang menimpa pegangan agama seorang Muslim dan sifat serakah terhadap harta (tamakkan harta) dan hasad dengki. Sesungguhnya sifat hasad memamah segala kebaikan persis seperti api menjilat kayu kering."

(Hadith riwayat Al-Tirmizi)

Para Du'at menyeru manusia ke jalan Allah Subhanahu Wata'ala, khasnya yang mendapat sambutan baik, yang cergas, yang masyhur dan berbakat sentiasa terdedah kepada cacian lidah orang-orang yang hasad serta tipu-daya mereka. Golongan tersebut merasa dengki pada ilmu dan kelebihan-kelebihan yang ada pada para du'at. Mereka sentiasa mengintai dan menunggu-nunggu masa yang baik untuk mencetuskan pertembungan antara mereka dan menjatuhkan imej mereka.
Ibnu Mu'taz pernah berkata:

"Orang yang hasad itu marah kepada orang yang tidak berdosa, kikir terhadap sesuatu yang bukan kepunyaannya dan sentiasa mencari atau meminta sesuatu yang tidak akan diperolehinya."

Dalam hubungan ini Allah Subhanahu Wata'ala telah memerintahkan Nabi dan umatnya supaya berlindung dari bencana golongan pendengki. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman:

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ (1) مِن شَرِّ مَا خَلَقَ (2) وَمِن شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ (3) وَمِن شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ (4) وَمِن شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ (5)

"Katakanlah: 'Aku berlindung kepada Tuhan Yang Menguasai Subuh, dan kejahatan makhluknya dan dari kejahatan malam apabila telah gelap gelita, dan dari kejahatan wanita-wanita tukang sihir yang menghembus pada buhul-buhul, dan dan kejahatan orang yang dengki apabila ia dengki. "

(Surah Al-Falaq: Ayat 1-5)

Rasulullah sendiri melarang sifat hasad dengki dan saling dengki mendengki. Beliau melarang sifat benci dan saling menimbulkan kebencian. Beliau juga melarang sifat saling membesar diri dan jebak-menjebak antara satu sama lain.

Beliau bersabda:

ايا كم والظن فان الظن أكذب الحديث ولا تحسسوا ولا تجسسوا ولا تنافسوا ولا تحاسدوا ولاتبا غضوا ولا تدابروال ، وكونوا عباد الله إخواناً كماامر. المسلم أخو المسلم لايظلمه ولا يخذله ولا يحقره. التقوى ههنا. وأشار إلى صدره.. بحسب امرىء من الشر ان يحقر أخاه المسلم.. كل المسلم على المسلم حرام دمه وعرضه وماله

Maksudnya:

"Awas kalian daripada sifat prasangka. Sesunggguhnya prasangka itu adalah kata-kata yang paling dusta. Jangan saling olok-mengolok, intai-mengjntai, atas-mengatasi, dengki mendengki, benci-membenci dan jebak menjebak. Jadilah kalian laksana hamba-hamba Allah yang bersaudara seperti yang telah diperintahkan kepada kalian. Seorang Muslim itu adalah saudara bagi seorang Muslim yang lain. Janganlah ia menzalimi saudaranya; janganlah ia membiarkannya (apabila ia dizalimi); janganlah ia menghina saudaranya. Taqwa itu (letaknya) di sini, seraya baginda menunjuk ke dadanya. Cukuplah bagi seorang Muslim itu kejahatan (dosa) menghina saudaranya yang Mukmin haram bagi seseorang Muslim itu (menceroboh) darah (nyawa) nama baik dan harta seseorang Muslim yang lain."

(Hadith riwayat Malek, Bukhari, Muslim, Abu Daud dan Tarmizi)

Sebenarnya orang-orang yang dengkikan kelebihan, kebolehan dan ilmu yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada para Du'at mempunyai jiwa yang berpenyakit, hati yang berkarat. Mereka sanggup

membuat tipu-daya terhadap saudara mereka sendiri demi melepaskan kemarahan dan sentimen yang meluap dalam dada mereka. Sikap inilah yang pernah mendorong Qabil membunuh saudara kandungnya Habil.

Perasaan dengki, marah dan dendam yang meluap-luap inilah yang mendorong berlakunya kejahatan tersebut.

Allah Subhanahu Wata'ala:

وَاتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ ابْنَيْ آدَمَ بِالْحَقِّ إِذْ قَرَّبَا قُرْبَانًا فَتُقُبِّلَ مِن أَحَدِهِمَا وَلَمْ يُتَقَبَّلْ مِنَ الآخَرِ قَالَ لَأَقْتُلَنَّكَ قَالَ إِنَّمَا يَتَقَبَّلُ اللّهُ مِنَ الْمُتَّقِينَ (27) لَئِن بَسَطتَ إِلَيَّ يَدَكَ لِتَقْتُلَنِي مَا أَنَاْ بِبَاسِطٍ يَدِيَ إِلَيْكَ لَأَقْتُلَكَ إِنِّي أَخَافُ اللّهَ رَبَّ الْعَالَمِينَ (28) إِنِّي أُرِيدُ أَن تَبُوءَ بِإِثْمِي وَإِثْمِكَ فَتَكُونَ مِنْ أَصْحَابِ النَّارِ وَذَلِكَ جَزَاء الظَّالِمِينَ (29) فَطَوَّعَتْ لَهُ نَفْسُهُ قَتْلَ أَخِيهِ فَقَتَلَهُ فَأَصْبَحَ مِنَ الْخَاسِرِينَ (30)

"Ceritakanlah kepada mereka kisah kedua putera Adam (Habil dan Qabil) menurut yang sebenarnya, ketika keduanya mempersembahkan korban, maka diterima dan salah seorang dan mereka (Habil) dan tidak diterima dari yang lain (Qabil). Ia berkata (Qabil): "Aku pasti membunuhmu!" "Sungguh kalau kamu menggerakkan tanganmu kepadaku untuk membunuhku, aku sekali-kali tidak akan menggerakkan tanganku kepadamu untuk membunuhmu. Sesungguhnya aku takut kepada Allah, Tuhan seru sekalian 'alam." "Sesungguhnya aku ingin agar kamu kembali dengan (membawa) dosa (membunuh) ku dan dosamu sendiri, maka kamu akan menjadi penghuni neraka, dan yang demikian itulah pembalasan bagi orang-orang yang zalim. Maka hawa nafsu Qabil menjadikannya menganggap mudah membunuh saudaranya, sebab itu dibunuhnyalah, maka jadilah ia seorang di antara orang-orang yang merugi."

(SurahAl-Ma'idah: Ayat 27-30)

Babak-babak dakwah Islam yang dilalui sepanjang sejarah zaman dahulu dan kini banyak memperlihatkan peristiwa-peristiwa tragis di mana penyebab utamanya ialah sifat hasad dengki. Bukan sifat dengki dan orang jauh tetapi yang datang dan kalangan sahabat handai sendiri. Salah seorang penyair bermadah:

وظلم ذوي القربى أشد مضا ضة على المرء منوقع الحسام المهند

Penganiayaan oleh kaum kerabat

lebih berbisa dirasakan,

oleh seseorang,

dari tusukan pedang waja India.

Sekian banyak para pemimpin dan penguasa yang telah difitnah dan dicela, khabar-khabar angin dan kata nista dihadapkan kepada diri mereka; terbit dari rasa dengki orang yang sakit jiwa dan tidak mengendahkan maruah orang dan tanggungjawab akhlak terhadap orang lain. Sekian banyak tuduhan-tuduhan palsu dicipta untuk mengobarkan kebencian dan permusuhan yang didorong oleh perasaan dengki dan khianat. Banyak jamaah yang berpecah-belah kerana angkara manusia pendengki yang busuk hati; membawa fitnah ke sana ke mari tanpa rasa takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala, — Tuhan alam semesta; tanpa mengambil pusing akan peringatan Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam. Beliau bersabda mengingatkan:

ليس مني ذو حسد ولا غميمة ولا كهانة ولا أنامنه

"Orang yang berhati dengki, yang menjadi batu api, beramal dengan yang karut-marut bukan daripada umatku dan aku bukan ikutan mereka."

Kemudian baginda membaca firman Allah Subhanahu Wata'ala yang berbunyi:

وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِغَيْرِ مَا اكْتَسَبُوا فَقَدِ احْتَمَلُوا بُهْتَانًا وَإِثْمًا مُّبِينًا (58)

"Orang-orang yang menyakiti para Mu'min lelaki dan perempuan (dengan membuat fitnah) padahal mereka (orang-orang yang beriman tersebut) tidak berdosa maka sesungguhnya pembawa fitnah tersebut telah memikul beban pendustaan dan dosa yang nyata."

(Surah Al-Ahzab: Ayat 58)

Bencana hasad dengki ini apabila telah berkobar boleh mendorong orang yang berkenaan melakukan berbagai-bagai kebodohan, boleh melakukan apa saja keburukan dan hal-hal yang dilarang; persis seperti api apabila ia berkobar marak; ia membakar daun-daun yang kening dan basah tanpa kecuali.

Manusia yang hasad sewaktu-waktu boleh berdusta mencipta kebohongan dan fitnah untuk merugikan manusia lain yang menjadi lawannya. Alangkah baiknya, kalau sebelum ia berbuat demikian ia menginsafi bencananya. Alangkah baiknya, jika ia mendengar Hadith Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam yang menyelar orang-orang sepertinya.

Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam bersabda:

ايما رجل أشاع على رجل مسلم بكلمه هومنها بريء يشينه بها في الدنيا، كان حقاً على الله ان يذيبه يوم القيامة النار حتى يأتي بنفاد ماقال

"Sesiapa yang mengembar-gemburkan (pada orang ramai) sesuatu perkara (perkataan) terhadap seseorang Muslim untuk menjatuhkan maruah orang tersebut di dunia pada hal ia tidak demikian maka wajiblah Allah mencairkan pembawa fitnah tersebut pada hari Qiamat dalam api neraka sehinggalah ia dapat membuktikah kebenaran apa yang telah dikatakannya."

(Hadith riwayat Al-Thabarani)

Orang yang dengki itu mungkin akan mengumpat dan menjadi batu api padahal ia menyangka ia telah berbuat baik, syaitan pula mengajukan alasan-alasan kepadanya untuk membenarkan perbuatan buruk tersebut supaya dia terus terjebak di dalam fitnah.
Firman Allah Subhanahu Wata'ala:

وَمِنْهُم مَّن يَقُولُ ائْذَن لِّي وَلاَ تَفْتِنِّي أَلاَ فِي الْفِتْنَةِ سَقَطُواْ وَإِنَّ جَهَنَّمَ لَمُحِيطَةٌ بِالْكَافِرِينَ (49) إِن تُصِبْكَ حَسَنَةٌ تَسُؤْهُمْ وَإِن تُصِبْكَ مُصِيبَةٌ يَقُولُواْ قَدْ أَخَذْنَا أَمْرَنَا مِن قَبْلُ وَيَتَوَلَّواْ وَّهُمْ فَرِحُونَ (50) قُل لَّن يُصِيبَنَا إِلاَّ مَا كَتَبَ اللّهُ لَنَا هُوَ مَوْلاَنَا وَعَلَى اللّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ (51)

Maksudnya:
"Ada di antara mereka yang berkata izinkan saya pergi dan jangan melibatkan aku dalam fitnah. Bahkan mereka telah pun terjebak dalam fitnah dan sesunguhnya neraka itu melingkari orang-orang kafir. Seandainya, engkau; hai Muhammad mendapat kebaikan maka hal itu merunsingkan mereka tetapi sekiranya engkau mendapat bencana kesusahan mereka akan berkata:
Kami telah pun menyedari dan menghindari bencana tersebut awal-awal lagi. Kemudian mereka beredar dengan riang gembira. Katakanlah wahai Muhammad, tidak ada yang akan menimpa kami kecuali apa yang telah ditentukan oleh Allah. Dialah Tuhan kami dan hendaklah orang-orang Mukmin bertawakkal kepada Allah."

(Surah Al-Taubah: Ayat 49-51)

Alangkah baiknya kalau manusia pendengki tersebut memahami betapa ruginya akibat dengki khianat tersebut. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah menjanjikan untuk orang-orang sepertinya siksa yang pedih. Lebih-lebih lagi untuk orang yang terus-menerus mengembangkan fitnah tanpa bertaubat dan sedar diri.

Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam menyatakan:

الربا اثنان وسبعون باباً، ادناها مثل اتيان الرجل امه وان اربى الربا استطالة الرجل في عرض أخيه

'Riba ' itu ada 72 pintu, yang paling kecil dosanya ialah seperti melakukan hubungan Jenis dengan ibu sendiri dan sebesar-besar riba' ialah seorang itu menghakis nama baik saudaranya.'

(Hadith riwayat A1-Tabrani)

Sabda Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam:

مأاكل لحم اخيه في الدنيا قرب اليه يوم القيامة فيقال له : كله ميتأ كما اكلته حيأ، فيأ كله ويضخ.

Barangsiapa yang memakan daging saudaranya di dunia (mengumpat) kelak pada hari Qiamat dibawakan kepadanya, makanlah daging bangkai ini sebagaimana engkau makan dagingnya ketika dia hidup dahulu. Lalu ia pun makan memakan daging itu sambil berteriak-teriak.

(Hadith riwayat A1-Tabrani dan lain-lain)

Sabda Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam:

الغيبة أشد من الزنا. قيل: وكيف؟ قال الرجل يزني ثم يتوب فيتوب الله عليه، وان صاحب الغيبةلا يغفر له، حتى يغفر له صاحبه

Mengumpat itu lebih buruk daripada zina. Sahbat bertanya bagaimana? Rasulullah menjawab: seorang yang berzina itu kalau bertaubat mungkin taubatnya itu diterima oleh Allah. Akan tetapi orang yang mengumpat tidak akan Allah ampunkan dosanya sehinggalah orang yang diumpatinya itu memaafkannya."

(Hadith riwayat Tabrani dan Baihaqi)

Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam menerangkan lagi pengertian mengumpat dengan sabdanya:

اتدرون ما الغيبة؟ قالوا: الله ورسرله أعلم: ذكرك أخاك بما يكره. قيل: أرأيت إن كان في أخي ماأقول؟ قال: ان كان فيه ما تقول فقد بحته

"Tahukah kalian apa ertinya mengumpat?" Sahabat menjawab: "Allah dan RasulNya yang lebih tahu." Ujar Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam lagi:(Mengumpat ialah)"Engkau mengatakan tentang saudaramu sesuatu yang tidak disukainya." Lalu ditanyakan: "Bagaimana kalau ada sesuatu yang patut saya kata tentang saudara saya itu?" Jawab Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam: "Sekiranya apa yang engkau sebutkan tentang saudaramu itu betul-betul ada padanya, maka itu bermaknna engkau telah mengumpatnya tetapi jika tidak betul maka itu bererti engkau telah mengada-adakan kebohongan terhadapnya."

FAKTOR YANG MENYEBABKAN HASAD DENGKI

Di dalam Kitab Ihya' 'Ulumuddin karangan Imam Al Ghazzali radiyalla'anhu ada disimpulkan sebab-sebab yang menimbulkan perasaan hasad dengki tersebut.

Antara lain:

i)Perasaan Permusuhan dan Kebencian

Ini adalah sebab yang paling banyak menimbulkan kedengkian. Kerana sesiapa yang telah disakiti oleh seseorang lain atas sebab-sebab tertentu atau menyangkalnya dalam tujuan-tujuan tertentu lantaran alasan-alasan tertentu, hatinya pasti marah lalu membenci orang yang menyakitinya itu, maka tertanamlah bibit dengki dalam dirinya. Dengki mengundang perlakuan yang aggresif untuk memuaskan hatinya.

Pendekata perasaan hasad dengki sentiasa bergandingan dengan perasaan marah dan permusuhan.

ii) Merasa Diri Mulia

Perasaan ini manifestasinya ialah seseorang itu merasa keberatan kalau ada sesiapa yang dianggapnya mengatasi dirinya. Dia tidak rela kalau ada orang lain melebihinya. Kalau ada orang-orang sepertinya yang mendapat lebih pangkat, kuasa, ilmu dan harta; dia bimbang kalau-kalau orang tersebut akan bersikap takabbur terhadapnya. Dia tidak boleh tahan dengan sikap mengatasi yang ditunjukkan oleh saingannya itu. Malah ia tidak boleh menerima apa yang dirasakannya sebagai sikap mengatasinya.

iii) Takabbur

Jelasnya seorang itu mempunyai watak membesarkan diri terhadap orang lain, selalu memperkecilkan dan memperhambakan seseorang. Ia menganggarkan seseorang itu mematuhinya. Apabila orang berkenaan

menerima atau memperolehi sesuatu kurnia ia khuatir kalau-kalau orang itu tidak lagi dapat merelakan kepongahannya. Akhirnya orang yang telah mendapat kurnia tersebut akan enggan mengikutinya. Atau boleh jadi ia menganggap orang tersebut akan cuba pula menyainginya.

iv)Ujub

Pernah Allah Subbanahu Wata'ala jelaskan kepada kita perihal umat-umat dizaman silam. Mereka merasa *takjub* dengan diri mereka sendiri. Hal ini menghalang mereka menurut kebenaran. Hujah mereka selalunya ialah seperti yang tertera di dalam Al Qur'an:

"Bukankah kamu tak lebih dari
manusia (biasa) seperti kami juga?"

Dan ungkapan yang berbunyi:

"Dan mereka berkata adakah wajar kami mempercayai manusia
yang seperti kami juga?"

Golongan tersebut merasa anih melihat orang yang berjaya mendapat pangkat ke Rasulan, menerima wahyu dan martabat yang dekat di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah manusia seperti mereka. Sebab itu mereka menaruh rasa dengki kepada Rasul-Rasul tersebut.

v)Takut Terlepas Sesuatu Tujuan dan Habuan

Biasanya perasaan ini ujud dalam kalangan orang yang saling berlumba-lumba merebut sesuatu habuan. Tiap orang akan merasa dengki kepada saingannya apabila saingannya mendapat suatu kelebihan yang boleh membantu dirinya sahaja membolot habuan yang menjadi tujuan mereka tadi.

vi)Ghairah Menjadi Ketua dan Mencari Populariti

Umpamanya seseorang yang bercita-cita untuk menjadi manusia pertama yang tidak ada tolok bandingannya dalam salah satu cabang seni. Apabila keghairahan terhadap pujian dan jolokan bahawa dialah satu-satunya pakar yang tidak ada taranya di zaman itu telah menguasai dirinya, tiba-tiba dia mendengar ada orang lain yang dapat menandinginya di tempat lain. Hal ini nescaya akan menyusahkan hati perutnya. Ia bercita-cita kalau tandingannya itu mati sahaja atau kemahirannya menurun dan pupus.

vii) Busuk Hati

Keadaan ini kalau ada pada seseorang maka ia akan bersikap tidak suka sesuatu kebaikan diperolehi oleh hamba Allah yang lain. Apabila disebutkan di hadapannya tentang kesenangan mana-mana hamba Allah, sempit hatinya mendengar hal tersebut. Akan tetapi apabila dinyatakan pula sebaliknya, umpamanya tentang kekacauan, kegagalan dan nasib malang menimpa orang lain maka ia merasa gembira dan suka hati.

BAGAIMANA KITA MENGHADAPI PENDENGKI

Antara langkah-langkah yang dianjurkan oleh Islam selaras dengan kaedah akhlaknya dan contoh yang ditunjukkan oleh Nabi-nabi ialah berhati-hati terhadap golongan pendengki, menjauhkan diri dan golongan pengumpat, mengelakkan pergaulan dengan mereka atau mendengar kata-kata mereka.

Semoga dengan ini mereka dapat menginsafi keburukan perangai mereka. Islam mewajibkan sesiapa yang mendengar apa-apa sebutan yang berdosa supaya menyelar orang-orang yang membeberkannya. Islam mewajibkan seorang Muslim mempertahankan nama baik saudaranya. Islam menggalakkan supaya orang-orang yang menghakis *maruah* dan nama baik orang lain diberi pengajaran yang sesuai dengan syara' dan akhlak Islam. Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam pernah bersabda:

"Barangsiapa yang mempertahankan maruah saudaranya ketika saudaranya itu tidak ada maka wajiblah Allah melepaskannya dari siksa neraka."

(Hadith riwayat Ahmad)

Orang-orang yang suka mengikut perangai pendengki dan golongan pengumpat, yang menjadi batu api, suka mendengar kata-kata mereka dan menyampaikan fitnah bawaan mereka, hendaklah mengambil ingatan tentang sabda Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam yang berbunyi:

Barangsiapa yang mendengar saudaranya diumpat namun dia tidak membelanya padahal ia mampu maka ia ikut menanggung dosa pengumpatan itu di dunia dan di akhirat.

(Hadith Asfahani)

Sabdanya lagi:

"Sesiapa dan kalangan orang Islam yang tidak membela orang Islam lain apabila kehormatannya dicerobohi dan nama baiknya dicacati maka nescaya Allah membiarkan nasibnya ketika ia sangat memerlukan pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala. Dan mana-mana orang Islam yang menolong orang Islam lain ketika nama baiknya dan kehormatannya diceroboh nescaya Allah akan menolongnya ketika ia sangat-sangat memerlukan pertolonganNya (Allah)."

(Hadith riwayat Abu Daud)

Orang-orang yang suka mengintai-intai aib orang lain dan mencerobohi serta menghakis nama baik mereka hendaklah merasa takut terhadap balasan murka Allah Subhanahu Wata'ala serta janji-janji siksaNya yang telah dinyatakan oleh Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam.

Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam menjelaskan:
"Wahai orang-orang yang beriman dengan lisan; akan tetapi Iman belum menyerap ke dalam hati, janganlah kalian menyakiti orang lain. Jangan mengintai-intai aurat (cacat cela mereka), sesungguhnya barangsiapa yang berbuat demikian, orang lain akan mengintai-intai pula cacat celanya sendiri. Barangsiapa yang cacat celanya diintai oleh Allah nescaya Allah akan bukakan pekungnya walaupun dalam kenderaannya sendiri."

Dalam riwayat lain disebutkan:

"Walaupun di tengah rumahnya sendiri."

(Hadith ini adalah riwayat Abu Daud)

Adapun sikap yang perlu diambil oleh para Da'ie Muslim apabila berhadapan dengan orang yang menaruh perasaan hasad dengki ialah sentiasa bersabar menunaikan solat, berlindung diri dengan Allah Subhanahu Wata'ala dari kejahatan orang lain dan bencana prasangka dan hasad-dengki mereka. Hendaklah ia menguasai dirinya dari sifat amarah atau membalas dengan berbagai helah dan tipu daya dengan tidak mengikut cara dan akhlak sebagai seorang Mukmin. Kalaulah para Da'ie Muslim rela menurut jejak langkah perbuatan mereka yang buruk itu, nescaya ia akan setanding pula dengan mereka. Dengan demikian jatuhlah nilai akhlak dan agamanya, di samping tercemarlah pula ciri-ciri yang membezakannya, dengan orang-orang jahat. Yang lebih utama dan elok dilakukan umpamanya, ialah menyumbangkan apa-apa yang baik yang dapat disumbangkan kepada masyarakat. Segala penanggungan dan penderitaan serahkanlah sahaja kepada Allah Subhanahu Wata'ala Yang Maha Mengetahui. Tidak ada yang luput dan pengetahuanNya baik di langit maupun di bumi. Allah Subhanahu Wata'ala tidak pernah alpa terhadap perbuatan golongan yang zalim. Para Da'ie hendaklah sentiasa ingat sabda Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam:

"Tidak ada satu penanggungan yang lebih dikasihi Allah daripada seteguk kemarahan yang ditelan oleh seseorang. Mana-mana perasaan marah yang dikawal oleh seseorang semata-mata kerana Allah nescaya Allah akan penuhkan batinnya dengan keimanan.

Biarlah pegangan dan perinsip hidup seorang Da'ie itu sesuai seperti apa yang pernah dilafazkan oleh orang yang soleh dengan doa yang berbunyi:

"Ya Allah! Saksikanlah bahawa nama baikku telah aku sedekahkan kepada orang."

Para Pendakwah Islam hendaklah berbeza dari makhluk Allah Subhanahu Wata'ala yang lain dengan ciri akhlak yang baik. Sesungguhnya akhlak yang baik ialah buah dan risalah yang dibawa oleh Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam. Ini bersesuaian benar dengan sabda baginda:

"Sesungguhnya aku di utus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia."

Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam menjelaskan:
Sesungguhnya seseorang hamba Allah itu dengan akhlaknya yang baik boleh mencapai darjat yang paling agung di akhirat dan mencapai darjat yang paling mulia meskipun ia lemah dan segi ibadat. Dan sesungguhnya seseorang hamba Allah itu dengan keburukan akhlaknya boleh menjunam ke dasar neraka yang paling bawah.
(Hadith riwayat At Tabrani)

Anas bin Malik meriwayatkan bahawa pada suatu ketika kami duduk bersama Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam, tiba-tiba beliau bersabda:

"Sekarang akan muncul seorang lelaki ahli syurga menjenguk kalian."
Tiba-tiba muncullah seorang lelaki Ansar.

Pada esok harinya dalam kesempatan yang sama. Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam pun berkata seperti itu juga, lantas muncullah orang lelaki yang sama seperti semalam. Pada hari ketiga, Nabi pun berkata demikian juga, lalu muncul lelaki hari pertama tersebut juga. Apabila Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam beredar, 'Abdullah Amar pun mengekori lelaki tersebut. Beliau mengatakan kepadanya: "Saya telah bergaduh dengan bapa saya dan saya bersumpah tidak mahu bersamanya selama tiga hari. Kalau saudara sudi menumpangkan diri saya dalam tempoh itu nescaya saya akan turut saudara pulang." "Baiklah, saya sudi, "jawab lelaki itu. Anas radiyAllahu'anhu meriwayatkan bahawa Abdullah menceritakan yang beliau tinggal bersama lelaki tersebut selama tiga malam tetapi tidak pernah melihatnya bangun sembahyang malam. Cuma apa yang diihatnya ialah apabila lelaki tersebut bertukar kedudukan di tempat tidurnya, ia sentiasa menyebut nama Allah Subhanahu Wata'ala dan bertakbir, sehinggalah akhirnya ia bangun menunaikan Solat Fajar. Abdullah menambah: "Aku tidak pernah mendengar lelaki tersebut berkata kecuali dengan perkataan yang baik sahaja."

"Apabila berselang tiga malam maka aku pun hampir-hampir meremehkan amalannya, kata Abdullah. Selepas itu aku pun berkata kepadanya: "Wahai hamba Allah, sebenarnya antara aku dan bapaku tidak ada apa-apa sengketa dan pergaduhan. Cuma aku telah

mendengar Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam menyebut perihal dirimu sebanyak tiga kali. Beiau berkata: "Sekarang tampil menjengol seorang ahli syurga ". Tiap-tiap kali orang yang muncul itu ialah saudara. Lantaran itulah saya ingin menumpang di rumah saudara untuk melihat apakah amalan saudara supaya dapat saya contohi. Tapi saya tidak nampak saudara melakukan apa-apa amal yang besar" "Apakah yang menyebabkan saudara mencapai martabat seperti yang diungkapkan oleh Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam itu. Jawab lelaki itu: "Tidak ada apa-apa yang saya lakukan selain dari apa yang telah saudara lihat. Kata Abdullah, "Ketika saya berpaling dan beredar lelaki tersebut memanggil saya dan berkata lagi: "Tidak ada apa-apa yang saya lakukan, kecuali, apa yang telah saudara lihat. Cuma saya tidak pernah menyimpan dalam hati saya hasrat menipu orang lslam yang lain atau rasa dengki terhadap sesiapa, lantaran inilah yang telah meningkatkan martabat saya."

(Hadith: riwayat Ahmad dengan Sanad perawi, mengikut Bukhari, Muslim dan Nasai'e).

Seorang Da'ie memang amat memerlukan kepada hati yang sihat. Akan tetapi ia hendaklah sentiasa bersikap waspada. Ia memerlukan akhlak yang lurus dengan kesedaran. Ia harus kuat dan tidak dapat ditawan oleh sifat marah sehingga kecundang; melakukan perbuatan yang lumrah dilakukan oleh para juhala' dan orang yang rendah peribadinya. Ia hendaklah yakin bahawa Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Mengetahui segala rahsia akan menguruskan segala-galanya.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَا يَكُونُ مِن نَّجْوَى ثَلَاثَةٍ إِلَّا هُوَ رَابِعُهُمْ وَلَا خَمْسَةٍ إِلَّا هُوَ سَادِسُهُمْ وَلَا أَدْنَى مِن ذَلِكَ وَلَا أَكْثَرَ إِلَّا هُوَ مَعَهُمْ أَيْنَ مَا كَانُوا ثُمَّ يُنَبِّئُهُم بِمَا عَمِلُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ (7)

"Tidak ada tiga orang yang berpakat rahsia kecuali Allah pihak yang keempat. Tidak juga lima kecuali Allah pihak yang keenam. Tidak kurang dan bilangan itu atau lebih kecuali Allah bersama mereka di mana sahaja mereka berada. Kemudian Allah menyatakan apa yang mereka lakukan pada hari Qiamat kelak. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."

(Surah Al-Mujadilah: Ayat 7)

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman:

أَفَلَمْ يَنظُرُوا إِلَى السَّمَاء فَوْقَهُمْ كَيْفَ بَنَيْنَاهَا وَزَيَّنَّاهَا وَمَا لَهَا مِن فُرُوجٍ
(6)

"Dan telah Kami ciptakan manusia dan Kami mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya kepadanya. Kami yang lebih hampir kepadanya dan urat lehernya sendiri.
(Surah Qaf: Ayat 6)

Tepatlah seperti yang ungkapkan oleh Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam:

"(Pada suatu ketika) Allah mengingatkan Nabi lbrahim 'alaihissalam melalui wahyu dengan peringatan (berikut):Wahai Khalil, elokanlah akhlakmu walaupun terhadap orang-orang kafir, kelak engkau akan menempati tempat orang-orang baik. Sesungguhnya telah tersurat dalam ketetapanku untuk melindungi orang-orang yang baik akhlaknya di bawah lembayung arasyKu. Akan Aku jamu mereka dengan minuman dari sumber kudus milikku. AkanKu hampirkan (tempat duduknya) di sampingKu."
(Hadith ini diriwayatkan oleh Tabrani)

Benarlah seperti apa yang dikatakan oleh da'ie ulung Muhammad Sallallahu'alaihi Wasallam:

"Orang yang diransang kemarahannya tetapi dapat mengawal runtunan marah dan bersikap hilm, wajib mendapat kasih sayang Allah."

(Riwayat Asfahani)

Rasulullah bersabda lagi:
Maksudnya:
"Apabila Allah menghimpunkan para makhluk kelak maka terbitlah suatu suara menyeru dan mengumumkan; wahai Ahlu'l fadli: (orang-orang mempunyai keutamaan). Maka bangunlah beberapa orang yang bilangannya tidak terlalu ramai dan mereka terus bengerak masuk ke syurga. Mereka disambut oleh para Malaikat. Malaikat bertanya: Kami nampak saudara-saudara begitu cepat masuk syurga maka siapakah sebenarnya saudara semua. Mereka menjawab: "Kami ialah Ahlu'l fadli:" Malaikat bertanya lagi: "Apakah keutamaan saudara-saudara ?"Mereka menjawab: "Dulu, (ketika kami di dunia) kami bersifat sabar bila dianiaya. Kami bersifat hilm (tidak membalas keburukkan walaupun kami mampu berbuat demiikian) apabila diperlakukan secara tidak wajar. "Malaikat pun berkata: "Masuklah kalian dalam syunga. Inilah sebaik-baik ganjaran untuk orang-orang yang berbuat baik."

Rasulullah pernah menerangkan:

*"Mahukah kalian (mendengar saya terangkan perkara yang menambahkan kemuliaan dan meninggikan martabat. Sahabat baginda menjawab: "Mahu wahai Rasulullah!" Baginda pun berkata: "(Yang menaikkan martabat ialah) anda bersifat **hilm** terhadap orang yang memperlakukan anda sebagai orang bodoh, anda memaafkan orang yang menzalimi anda, memberi kepada orang yang tidak sudi memberi apa-apa kepada anda, menyambung silaturrahim dengan orang yang tidak sudi mempunyai perhubungan dengan anda."*

(Riwayat Tabrani)

RINTANGAN KEDUA:
ORANG MUNAFIQ YANG BENCI KEPADANYA:

Halangan kedua yang dihadapi oleh para da'ei Muslim ialah kebencian dan tipu-daya golongan munafiqun.

Orang-orang yang munafiq memang ada di mana-mana dan dalam zaman apa pun sepanjang sejarah tidak sunyi dan kewujudan mereka. Ini adalah kerana motif dan karenah kemunculan golongan ini memang ada dan mungkin wujud bila-bila masa.

Ada yang menjadi munafiq didorong oleh pertimbangan untuk merangkul kepentingan duniawi. Kadang-kadang ia berselindung di sebalik taqwa dan agama untuk sampai kepada tujuannya. Ada yang menjadi Munafiq dengan tujuan mencetuskan krisis, melaga-laga dan memecahbelahkan barisan umat Islam. Ada yang berbuat demikian kerana niat jahatnya sendiri. Ada pula yang mendapat arahan dan orang lain. Mereka pun meresapi jamaah untuk tujuan-tujuan tadi. Terdapat juga golongan yang sifat Munafiq telah mendarah daging dalam dirinya hingga sukar untuk melepaskan diri dari sifat ini. Ada yang menjadi haipokrit untuk berkuasa atau melepaskan diri dan penindasan penguasa. Dengan sifat ini orang Munafiq cuba merangkul habuan dunia yang fana, atau pangkat kebesaran yang tidak kekal. Ia malah sanggup menjual agamanya dengan mendapat bayaran kesenangan dunia. Kadang-kadang sifat ini ditimbulkan oleh rasa dendam, atau dengki atau kedua-duanya sekali.

Manusia Munafiq mempunyai sifat-sifat dan perwatakan tertentu. Rasulullah telah menerangkan ciri-ciri mereka supaya dikenali oleh para Mukminin. Dengan demikian mereka dapat menghindarkan diri dari bahaya mereka. Antara Hadith Rasulullah yang berkaitan ialah sabda beliau:

"Ada tiga sifat; siapa yang.memilikinya maka dia adalah Munafiq walaupun ia berpuasa, solat, naik haji, mengerjakan umrah dan mengaku muslim. Iaitu orang yang berdusta bila berkata, mungkir bila berjanji dan mengkhianati amanah."

(Riwayat Abu Ya'li)

Dalam riwayat Ahmad beliau menerangkan:
"Empat sifat; siapa yang bersifat dengan keempat-empatnya maka dia adalah Munafiq tulen. Siapa yang ada salah satu dan sifat ini maka ia mempunyam satu ciri dari ciri Munafiq sehinggalah ia membuangkannya iaitu apabila ia berkata ia berdusta, apabila berjanji ia mungkir, apabila membuat janji setia, ia khianati, apabila bertikai ia bersikap nyinyir."

Dalam riwayat Bukhari dan Muslim beliau berkata:
"Tanda munäfiq ada tiga:Jika berkata ia dusta, jika berjanji ia mungkir bjla mengikat janji setia ia khianat."

Angkatan dakwah Islam sepanjang sejarah tidak pernah terlepas dari ancaman dan angkara golongan manusia seperti ini. Mereka tampil untuk merosak, menimbulkan keraguan terhadap pendakwah. Kadang-kadang mereka membonceng untuk meraih untung dan mendapat matlamat tertentu. Semasa hayat Rasulullah golongan Munafiq ini tidak pernah diam. Asal ada sahaja kesempatan pasti mereka eksploit untuk tujuan-tujuan mereka yang tersendiri. Allah mengungkapkan niat mereka dengan firmannya:

يُرِيدُونَ لِيُطْفِؤُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَاللَّهُ مُتِمُّ نُورِهِ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ

(8)

Mereka hendak memadamkan nur Allah dengan mulut mereka namun Allah pasti menyempurnakan cahayaNya meskipun orang-orang kafir benci"

(Surah Al-Saf: Ayat 8)

Hadith Al-Ifk (berita dusta)

Tersebut dalam buku-buku Sirah bahawa Aishah telah ikut serta bersama-sama Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam dalam peperangan menentang Yahudi Bani Al Mustaliq. Ketika rombongan Muslimin berhenti Aishah keluar dan tunggangannya untuk buang air. Setelah buang air beliau kembali dan kemudian beliau menyedari loketnya keciciran ,lantas beliau kembali semula ke tempat di mana beliau lalu untuk mencari loket tersebut. Pemergian beliau kali kedua itu tidak disedari oleh ahli rombongan. Akhirnya mereka berangkat membawa tunggangan khas Aishah dengan sangkaan bahwa beliau berada di dalamnya. Apabila Sayyidatina Aishah kembali semula ke tempat perhentian rombongan beliau tidak menemui seorang pun di sana. Beliau pun duduk menunggu dengan harapan bahawa apabila rombongan itu nanti sedar yang beliau tidak ada, mereka akan berpatah semula mencarinya. Oleh kerana beliau amat sangat mengantuk akhirnya beliau tertidur. Beliau terjaga apabila Safwan Bin Mu'attal lalu di sisinya sambil berkata: "Inna lillahi wainna ilaihi rajiuun, isteri Rasulullah rupa-rupanya." Safwan sebenarnya telah terlewat dari rombongan itu. Sebab itu beliau mengekorinya dari belakang. Apabila beliau menyedari dengan pasti bahawa isteri Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam telah tertinggal dari rombongan maka beliau pun merendahkan untanya dan turun dari tunggangan tersebut. Beliau menghampirkan unta tersebut kepada Aishah tanpa menghamburkan sepatah kalimat pun. Aishah lantas menunggangnya, tidak ada yang didengarnya dari Safwan melainkan ucapan **istirja'nya**. Safwan membawa Aishah sehinggalah bertemu dengan rombongan tentera

Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam yang kebetulan berhenti rehat di suatu tempat yang bernama Nahru Azzahirah. Apabila anggota-anggota rombongan mengetahui perkara ini masing-masing membuat telahan yang berbagai-bagai. Ketika itu Ibn Ubai bin Salul; iaitu seorang Munafiq yang lihai, sedar bahawa inilah peluang baginya untuk melepaskan dendam dan bencinya terhadap Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam. Ia menghebohkan cerita-cerita dusta berhubung dengan peristiwa tersebut. Apabila mereka pulang ke Madinah, berita-berita buruk sekitar peristiwa tersebut begitu berleluasa menjadi bahan percakapan orang-orang yang gemar dengan cerita-cerita dusta seperti itu. Dalam pada itu Rasulullah tetap berdiam diri dan tidak berkata apa-apa. Peristiwa yang membawa tersebarnya berita dusta yang menjejaskan Rasulullah benar-benar merupakan suatu cubaan bagi Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam dan juga bagi umat baginda sampai hari Qiamat. Cubaan Allah ini menaikkan martabat orang-orang tertentu malah menambahkan hidayah dan keimanan kepada orang yang benar-benar telah mendapat petunjuk, manakala orang yang aniaya tidak akan bertambah kecuali kerugian belaka. Cubaan Allah Subhanahu Wata'ala terhadap Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam dilengkapkan lagi dalam bentuk tidak diturunkan wahyu selama sebulan agar segala-galanya menjadi nyata dan terang. Orang-orang Mukmin yang jujur dalam keimanannya terus bertambah keimanan mereka, konsisten, bersikap adil, benar dan baik sangka kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan RasulNya, keluarga baginda, orang-orang yang benar dan soleh daripada hambaNya. Manakala orang-orang Munafiq menjadi-jadi kemunafikannya dengan menghebahkan berita dusta. Dengan demikian. dapatlah Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam dan orang-orang yang beriman mengetahui rahsia hati mereka. Cubaan ini juga bertujuan menambahkan lagi kesungguhan ibadah dan penyerahan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala oleh Sayyadatina Aishah dan kedua ibubapa beliau. Dengan demikian semakin besarlah penyerahan dan harapan semua yang terlibat dalam peristiwa ini kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Semakin kuatlah keinginan untuk merendah diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, baik sangka terhadap ketentuanNya dan mengharapkan rahmat kasihNya. Menginsafi hikmat peristiwa inilah agaknya yang mendorong Sayyidatina Aishah mempunyai sikap tersendiri selepas turunnya wahyu Allah Subhanahu Wata'ala menjelaskan bahawa Aishah bersih dari tuduhan dusta tersebut setelah turunnya ayat ini:

إِنَّ الَّذِينَ جَاؤُوا بِالْإِفْكِ عُصْبَةٌ مِّنكُمْ لَا تَحْسَبُوهُ شَرًّا لَّكُم بَلْ هُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ
لِكُلِّ امْرِئٍ مِّنْهُم مَّا اكْتَسَبَ مِنَ الْإِثْمِ وَالَّذِي تَوَلَّى كِبْرَهُ مِنْهُمْ لَهُ عَذَابٌ
عَظِيمٌ (11) لَوْلَا إِذْ سَمِعْتُمُوهُ ظَنَّ الْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بِأَنفُسِهِمْ خَيْرًا
وَقَالُوا هَذَا إِفْكٌ مُّبِينٌ (12) لَوْلَا جَاؤُوا عَلَيْهِ بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاء فَإِذْ لَمْ يَأْتُوا

بِالشُّهَدَاء فَأُوْلَئِكَ عِندَ اللَّهِ هُمُ الْكَاذِبُونَ (13) وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ
وَرَحْمَتُهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ لَمَسَّكُمْ فِي مَا أَفَضْتُمْ فِيهِ عَذَابٌ عَظِيمٌ (14) إِذْ
تَلَقَّوْنَهُ بِأَلْسِنَتِكُمْ وَتَقُولُونَ بِأَفْوَاهِكُم مَّا لَيْسَ لَكُم بِهِ عِلْمٌ وَتَحْسَبُونَهُ هَيِّنًا
وَهُوَ عِندَ اللَّهِ عَظِيمٌ (15) وَلَوْلَا إِذْ سَمِعْتُمُوهُ قُلْتُم مَّا يَكُونُ لَنَا أَن نَّتَكَلَّمَ
بِهَذَا سُبْحَانَكَ هَذَا بُهْتَانٌ عَظِيمٌ (16) يَعِظُكُمُ اللَّهُ أَن تَعُودُوا لِمِثْلِهِ أَبَدًا إِن
كُنتُم مُّؤْمِنِينَ (17) وَيُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمُ الْآيَاتِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ (18)

(Surah Al-Nur: 11-18)

Kedua ibubapa Sayyadatina Aishah menyuruh beliau pergi menemui Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam. Sayyidatina Aishah menjawab dengan katanya:

"Demi Allah, saya tak akan pergi (minta maaf) kepadanya. Saya tidak akan memuji kecuali Allah Subhanahu Wata'ala, Dialah yang telah membersihkan diriku (dari tuduhan tersebut."

Sekitar peristiwa ini Sayyid Qutb dalam tafsir Fizilalil Qur'an menulis: Sesiapa pun mesti akan merasa aneh walaupun hingga kini, terhadap peristiwa ini. Bagaimana boleh berlaku dalam suatu kumpulan jemaah Muslimin boleh berleluasa tersebar berita buruk dan cerita dusta seperti ini. Berita ini pasti meninggalkan kesan yang berat dalam jamaah, menimbulkan luka yang dalam, di dalam jiwa yang paling suci dan paling tinggi'. Sesungguhnya kemelut yang dihadapi oleh Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam dan terutamanya yang diharungi oleh jamaah Muslimin dan Islam ketika itu adalah kemelut yang paling hebat yang pernah dihadapi oleh baginda di mana baginda dapat mengatasinya. Baginda dapat terus melindungi kewibawaannya, membuktikan kelapangan dada dan kesabarannya.

Kendatipun ujian begitu perit di samping reaksi-reaksi yang begitu hebat namun Allah Subhanahu Wata'ala masih melindungi jamaah Muslimin. Allah tidak menurunkan kepada mereka azab atau siksanya, padahal perbuatan yang telah dilakukan wajar diganjari dengan siksa yang pedih; siksa yang setimpal dengan penderitaan Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam, isteri baginda dan sahabat karib baginda, yang sentiasa menaruh baik sangka terhadapnya. Setidak-tidaknya siksa yang setimpal dengan kejahatan fitnah yang tersebar luas di kalangan jamaah Muslimin seimbang pula dengan fitnah yang mencemarkan nilai-nilai quddus yang dihormati dan menjadi asas kehidupan jamaah Islamiyyah itu sendiri.

Fitnah tersebut berkembang dan tersebar dan mulut ke mulut, dan satu lidah ke satu lidah tanpa usaha meneliti dan memastikan kebenarannya terlebih dahulu. Kata-kata tersebut seolah-olah diterima mentah-mentah tanpa diserapkan oleh akal, dan dihalusi oleh hati dan seterusnya. (petikan dan tafsir Surah Al-Nur).

Mengingat bencana yang ditimbulkan oleh sifat Munafiq dan golongan Munafiq dalam barisan Islam, maka ayat-ayat Al Qur'an al Karim menghuraikan dengan terperinci akan sifat-sifat atau petanda hipokrit dan sifat-sifat golongan Munafiqun. Tujuannya ialah untuk mendedahkan hakikat mereka, di samping mengajak kaum Muslimin supaya dapat berhati-hati menghadapi mereka. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman :

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ آمَنَّا بِاللّهِ وَبِالْيَوْمِ الآخِرِ وَمَا هُم بِمُؤْمِنِينَ (8) يُخَادِعُونَ اللّهَ وَالَّذِينَ آمَنُوا وَمَا يَخْدَعُونَ إِلاَّ أَنفُسَهُم وَمَا يَشْعُرُونَ (9) فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ اللّهُ مَرَضاً وَلَهُم عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ (10) وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لاَ تُفْسِدُواْ فِي الأَرْضِ قَالُواْ إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ (11) أَلا إِنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ وَلَكِن لاَّ يَشْعُرُونَ (12) وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ آمِنُواْ كَمَا آمَنَ النَّاسُ قَالُواْ أَنُؤْمِنُ كَمَا آمَنَ السُّفَهَاء أَلا إِنَّهُمْ هُمُ السُّفَهَاء وَلَكِن لاَّ يَعْلَمُونَ (13) وَإِذَا لَقُواْ الَّذِينَ آمَنُواْ قَالُواْ آمَنَّا وَإِذَا خَلَوْاْ إِلَى شَيَاطِينِهِمْ قَالُواْ إِنَّا مَعَكْمْ إِنَّمَا نَحْنُ مُسْتَهْزِؤُونَ (14) اللّهُ يَسْتَهْزِىءُ بِهِمْ وَيَمُدُّهُمْ فِي طُغْيَانِهِمْ يَعْمَهُونَ (15)

"Di antara manusia ada yang mengatakan: 'Kami beriman kepada Allah dan Hari kemudian, padahal mereka itu sesunggguhnya bukan orang-orang yang beriman. Mereka hendak menipu Allah dan orang-raang yang beriman, padahal mereka hanya menipu diri sendiri sedang mereka tidak sedar. Dalam hati mereka ada penyakit, lalu ditambah Allah penyakitnya: dan bagi mereka siksa yang pedih, disebabkan mereka berdusta.

Dan bila dikatakan kepada mereka: "Janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi! 'Mereka menjawab:

'Sesunggguhnya kami orang-orang yang mengadakan perbaikan." Ingatlah, sesunggguhnya mereka itulah orang-orang yang membuat kerosakan, tetapi mereka tidak sedar. Apabila dikatakan kepada mereka: 'Berimanlah kamu sebagaimana orang-orang lain telah beriman, 'Mereka menjawab: "Akan berimankah kami sebagaimana orang-orang yang bodoh telah beriman?" Ingatlah, sesunguhnya merekalah orang-orang yang bodoh, tetapi mereka tidak tahu. Dan bila mereka berjumpa dengan orang-orang yang beriman, mereka mengatakan: "Kami telah beriman'' Bila mereka kembali kepada syaitan-

syaitan mereka, mereka mengatakan: "Sesungguhnya kami sependirian dengan kamu, kami hanyalah berolok-olok. Allah akan (membalas) olok-olokan mereka dan membiarkan mereka terumbang-ambing dalam kesesatan mereka."

(Surah Al-Baqarah: Ayat 8-15)

Untuk menyedarkan orang-orang Mukminin tentang bahaya golongan Munafiqun ini dalam jamaah Muslimin Allah Subhanahu Wata'ala memperuntukkan dalam Al Qur'an suatu surah khusus tentang mereka iaitu Surah A1-Munafiqun. Allah berfirman:

إِذَا جَاءكَ الْمُنَافِقُونَ قَالُوا نَشْهَدُ إِنَّكَ لَرَسُولُ اللَّهِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّكَ لَرَسُولُهُ وَاللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَكَاذِبُونَ (1) اتَّخَذُوا أَيْمَانَهُمْ جُنَّةً فَصَدُّوا عَن سَبِيلِ اللَّهِ إِنَّهُمْ سَاء مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (2) ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ آمَنُوا ثُمَّ كَفَرُوا فَطُبِعَ عَلَى قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَفْقَهُونَ (3) وَإِذَا رَأَيْتَهُمْ تُعْجِبُكَ أَجْسَامُهُمْ وَإِن يَقُولُوا تَسْمَعْ لِقَوْلِهِمْ كَأَنَّهُمْ خُشُبٌ مُّسَنَّدَةٌ يَحْسَبُونَ كُلَّ صَيْحَةٍ عَلَيْهِمْ هُمُ الْعَدُوُّ فَاحْذَرْهُمْ قَاتَلَهُمُ اللَّهُ أَنَّى يُؤْفَكُونَ (4) وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا يَسْتَغْفِرْ لَكُمْ رَسُولُ اللَّهِ لَوَّوْا رُؤُوسَهُمْ وَرَأَيْتَهُمْ يَصُدُّونَ وَهُم مُّسْتَكْبِرُونَ (5)
سَوَاء عَلَيْهِمْ أَسْتَغْفَرْتَ لَهُمْ أَمْ لَمْ تَسْتَغْفِرْ لَهُمْ لَن يَغْفِرَ اللَّهُ لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ (6) هُمُ الَّذِينَ يَقُولُونَ لَا تُنفِقُوا عَلَى مَنْ عِندَ رَسُولِ اللَّهِ حَتَّى يَنفَضُّوا وَلِلَّهِ خَزَائِنُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا يَفْقَهُونَ (7) يَقُولُونَ لَئِن رَّجَعْنَا إِلَى الْمَدِينَةِ لَيُخْرِجَنَّ الْأَعَزُّ مِنْهَا الْأَذَلَّ وَلِلَّهِ الْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ (8) يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُلْهِكُمْ أَمْوَالُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ عَن ذِكْرِ اللَّهِ وَمَن يَفْعَلْ ذَلِكَ فَأُوْلَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ (9) وَأَنفِقُوا مِن مَّا رَزَقْنَاكُم مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَى أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِّنَ الصَّالِحِينَ (10) وَلَن يُؤَخِّرَ اللَّهُ نَفْسًا إِذَا جَاء أَجَلُهَا وَاللَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ (11)

Maksudnya:

"Apabila orang-orang Munafiq datang kepadamu, mereka berkata: "Kami mengakui bahawa sesungguhnya kamu benar-benar Rasul Allah ". Dan Allah mengetahui bahawa sesungguhnya kamu benar-benar 'RasulNya; dan Allah mengetahui bahawa sesungguhnya orang-orang yang berMunafiq itu benar-benar orang pendusta. Mereka itu menjadikan sumpah mereka sebagai perisai, lalu mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah. Sesungguhnya amat buruklah apa yang telah mereka kerjakan. Yang

demikian itu adalah kerana bahawa sesungguhnya mereka telah beriman, kemudian menjadi kafir (lagi) lalu hati mereka dikunci mati; kerana itu mereka tidak dapat mengerti. Dan apabila kamu melihat mereka, tubuh-tubuh mereka kamu akan kagum. Dan jika mereka berkata kamu mendengarkan perkataan mereka. Mereka adalah seakan-akan kayu yang tersandar. Mereka mengira bahawa tiap-tiap teriakan yang keras ditujukan kepada mereka. Mereka itulah musuh (yang sebenarnya) maka waspadalah terhadap mereka; moga Allah membinasakan mereka. Bagaimanakah mereka sampai dipalingkan (dari kebenaran)?

Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Marilah (beriman), agar Rasulullah memintakan keampunan bagimu, mereka membuang muka dan kamu melihat mereka berpaling sedang mereka menyombongkan diri. Sama saja bagi mereka kamu mintakan keampunan atau tidak kamu mintakan keampunan bagi mereka.

Sesungguhnya AlIah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang fassiq. Mereka orang-orang yang mengatakan (kepada orang-orang Ansar) "janganlah kamu memberikan perbelanjaan kepada orang-orang (Muhajirin) yang ada di sisi Rasulullah supaya mereka bubar (meninggalkan Rasulullah)". Padahal kepunyaan Allahlah perbendaharaan langit dan bumi, tetapi orang-orang Munafik itu tidak memahami. Mereka berkata: "Sesungguhnya jika kita kembali ke Madinah, benar-benar orang yang kuat akan mengusir orang-orang yang lemah daripadanya". Padahal kekuatan itu hanyalah bagi Allah, bagi RasulNya dan bagi orang-orang Mukmin tetapi orang-orang Munafiq itu tidak mengetahui. Hai orang-orang yang beriman, janganlah harta-hartamu dan anak-anakmu melalaikan kamu dari mengingat Allah. Barangsiapa yang berbuat demikian maka mereka itulah orang-orang yang rugi. Dan belanjakanlah sebahagian dari apa yang telah kami berikan kepadamu sebelum datang kematian kepada salah seorang di antara kamu; lalu nanti ia berkata: "Ya Tuhanku, mengapa Engkau tidak menangguhkan (kematian)ku sampai waktu yang dekat, yang menyebabkan aku dapat bersedekah dan aku termasuk orang-orang yang soleh. Allah sekali-kali tidak akan menangguhkan (kematian) seseorang apabila datang waktu matinya. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan."

(Surah Al-Munafiqun: Ayat 1-11)

Sejarah telah membuktikan tentang bahaya golongan ini terhadap gerakan Islam dalam menimbulkan fitnah dan krisis. Gerakan Islam tentu tidak akan menemui pukulan yang hebat. Aktivis-aktivisnya tentu tidak tersiksa dengan parah oleh para penguasa yang kejam, kalaulah tidak kerana adanya segelintir golongan munafik yang menjualkan diri dan maruah kepada syaitan. Atau kalaulah tidak kerana adanya pembelot yang didorong oleh rasa takut atau mudah dibeli; mereka menjual ayat-ayat Al Qur'an dengan harga yang murah. Alangkah buruknya penjual seperti itu.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman:
Maksudnya:

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ آمَنَّا بِاللَّهِ فَإِذَا أُوذِيَ فِي اللَّهِ جَعَلَ فِتْنَةَ النَّاسِ كَعَذَابِ اللَّهِ وَلَئِن جَاء نَصْرٌ مِّن رَّبِّكَ لَيَقُولُنَّ إِنَّا كُنَّا مَعَكُمْ أَوَلَيْسَ اللَّهُ بِأَعْلَمَ بِمَا فِي صُدُورِ الْعَالَمِينَ (10) وَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا وَلَيَعْلَمَنَّ الْمُنَافِقِينَ (11)

"Di kalangan manusia ada yang berkata, kami beriman dengan Allah tetapi apabila dia dicuba dengan kesakitan dalam perjuangan kerana Allah ia menjadikan gangguan manusia itu setaraf dengan azab Allah dan jika engkau wahai Muhammad mendapat kemenangan dari Tuhanmu, nescaya mereka berkata: "Sesungguhnya kami bersamamu (menyokongmu). Apa bukankah Allah lebih mengetahui segala yang tersirat dalam dada. Akan Allah pastikan siapakah sebenarnya yang beriman dan akan Allah pastikan siapa pula yang Munafiq.

(Surah Al Ankabut: Ayat 10-11)

Gerakan Islam yang teguh menghadapi segala tipu muslihat musuh-musuh Islam dari timur atau barat, mungkin dapat digugat atau diruntuhkan oleh cakap-cakap orang-orang Munafiq yang memutarkan lidah, mengembangkan fitnah dalam lingkungan jamaah. Samalah seperti yang berlaku dalam period-period sejarah di zaman silam. Mereka berjaya menyebarkan fitnah permusuhan, mencetuskan pertarungan antara orang-orang perseorangan dalam jemaah.

Demikianlah, para da'ie kadangkala mendapat cubaan Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala mewujudkan sekitar mereka orang-orang Munafiq yang membawa khabar-khabar angin dan cerita dusta, membuat tuduhan terhadap diri mereka, mengatakan yang tidak-tidak.

Kadangkala mereka juga dicuba oleh perbuatan Munafiq yang mencemarkan nama baik, amanah, martabat, kejujuran, ilmu dan agama mereka.

Pendekata mereka dihadapkan dengan pelbagai perbuatan yang menghakis kewibawaan; semata-mata untuk memuaskan dendam kesumat golongan Munafiq tersebut. Segala cubaan dan Ibtila' tersebut ialah untuk Allah Subhanahu Wata'ala dapat memastikan kelurusan suatu pergerakan dan sikap anggota-anggotanya untuk Allah Subhanahu Wata'ala mengampunkan dosa mereka dan meningkatkan martabat mereka menghadapi golongan Munafiq tersebut.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman:

إِن تَمْسَسْكُمْ حَسَنَةٌ تَسُؤْهُمْ وَإِن تُصِبْكُمْ سَيِّئَةٌ يَفْرَحُواْ بِهَا وَإِن تَصْبِرُواْ
وَتَتَّقُواْ لاَ يَضُرُّكُمْ كَيْدُهُمْ شَيْئًا إِنَّ اللّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ (120)

"Jika kamu memperoleh kebaikan, nescaya mereka bersedih hati, tetapi jika kamu mendapat bencana, mereka bergembira kerananya. Jika kamu bersabar dan bertaqwa, nescaya tipu daya mereka sedikitpun tidak mendatangkan kemudharatan kepadamu. Sesungguhnya Allah mengetahui segala apa yang mereka kerjakan."

(Surah Ali-Imran Ayat 120)

Bekalan seorang da'ei dalam menghadapi hal ini ialah sentiasa tabah menghadapi kesusahan, sentiasa berlindung di bawah rahmat Allah. Allah Subhanahu Wata'ala sahaja tempat mengadu dan tempat berlindung dan kejahatan insan Munafiq dan syaitan yang direjam. Allah berfirman:

اسْتِكْبَارًا فِي الْأَرْضِ وَمَكْرَ السَّيِّئِ وَلَا يَحِيقُ الْمَكْرُ السَّيِّئُ إِلَّا بِأَهْلِهِ فَهَلْ
يَنظُرُونَ إِلَّا سُنَّتَ الْأَوَّلِينَ فَلَن تَجِدَ لِسُنَّتِ اللَّهِ تَبْدِيلًا وَلَن تَجِدَ لِسُنَّتِ اللَّهِ
تَحْوِيلًا (43)

"Tipu daya jahat tidak akan menimpa kecuali diri penipu itu sendiri."

(Surah Fatir: Ayat: 43)

Sesungguhnya sikap baik sangka terhadap Allah Subhanahu Wata'ala percaya akan keadilan rahmat dan kudratnya adalah merupakan sebaik-baik hiburan bagi para pendakwah di jalan Allah Subhanahu Wata'ala. Sifat mereka selaras seperti yang diungkapkan dalam Al-Qur'an:

لَّيْسَ الْبِرَّ أَن تُوَلُّواْ وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ آمَنَ
بِاللّهِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ وَالْمَلآئِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَآتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ
ذَوِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّآئِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ
وَأَقَامَ الصَّلاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَالْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُواْ وَالصَّابِرِينَ فِي
الْبَأْسَاء والضَّرَّاء وَحِينَ الْبَأْسِ أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ
(177)

'Mereka bersifat sabar menempuh penderitaan dan kesusahan, malah ketika mengharungj penderitaan tersebut.

(Surah Al-Baqarah: Ayat 177)

Akan tetapi apabila kita menyatakan bahawa para da'ei berlindung dengan Allah Subhanahu Wata'ala dalam menghadapi bencana munafik tidak bermakna mereka mendiamkan diri melihat perbuatan angkara mereka tanpa berusaha menyedarkan orang lain tentang bencana mereka atau tanpa usaha menumpaskan mereka. Malah para da'ei wajib bertindak demikian. Kewajiban ini tidak harus dibiarkan atau diabaikan oleh para da'ei justeru membiarkan penyakit terus menular dalam jasad; sudah pasti lama kelamaan akan menggugat jasad tersebut. Tindakan membendung bencana ini hendaklah dilaksanakan dengan teliti dan bijaksana hingga tidak melibatkan orang-orang yang tidak berdosa.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَى مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ (6)

"Hai orang-orang yang beriman jika datang seorang fasik kepada kamu membawa berita pastikanlah agar kamu tidak mengapa-apakan satu golongan secara jahil sehingga akhirnya kamu menyesal terhadap perbuatan yang terlanjur yang telah kamu lakukan."

(Surah Al-Hujurat: Ayat 6)

Ketika Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam mengetahui berita terdirinya Masjid '**AI-Dirar** ' sebuah masjid yang dibina oleh segolongan kaum munãfiq untuk menandingi dan melemahkan fungsi Masjid Quba'. Tujuan akhir mereka ialah untuk memecahbelahkan jamaah Muslimin. Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam telah bertanya kepada golongan tersebut tentang motif pembinaan masjid tadi. "Mereka bersumpah atas nama Allah Subhanahu Wata'ala dan berkata: "Niat kami tidak lain hanyalah untuk kebaikan. Padahal Allah Subhanahu Wata'ala menjadi saksi bahawa sebenarnya mereka berdusta." Menginsafi hakikat hal ini Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam lantas memerintahkan beberapa sahabat baginda supaya pergi meruntuhkan masjid tersebut. Masjid itupun diruntuhkan oleh sahabat baginda. Peristiwa ini dirakamkan oleh A1-Qur'an seperti yang tertera dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala:

وَالَّذِينَ اتَّخَذُواْ مَسْجِدًا ضِرَارًا وَكُفْرًا وَتَفْرِيقًا بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ وَإِرْصَادًا لِّمَنْ حَارَبَ اللّهَ وَرَسُولَهُ مِن قَبْلُ وَلَيَحْلِفَنَّ إِنْ أَرَدْنَا إِلاَّ الْحُسْنَى وَاللّهُ يَشْهَدُ إِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ (107) لاَ تَقُمْ فِيهِ أَبَدًا لَّمَسْجِدٌ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَى مِنْ

أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَن تَقُومَ فِيهِ فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَن يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَّهِّرِينَ (108)

Maksudnya:
"Dan (di antara orang-orang Munafiq itu) ada orang-orang yang mendirikan masjid untuk menimbulkan kemudharatan (pada orang-orang Mukmin) dan kerana kekafiran (nya dan untuk memecah belah antara orang-orang Mukmin serta menjadi post perisik untuk orang-orang yang telah memerangi Allah dan RasulNya sejak dahulu. Mereka sesungguhnya bersumpah: 'Kami tidak menghendaki selain kebaikan. 'Dan Allah menjadi saksi bahwa sesungguhnya mereka itu adalah pendusta (dalam sumpahnya). Janganlah kamu bersembahyang dalam masjid itu selama-lamanya. Sesungguhnya masjid yang didirikan atas dasar taqwa (masjid Quba'), sejak hari pertama adalah lebih patut kamu bersembahyang di dalamnya. Di dalamnya ada orang-orang yang ingin membersihkan diri. Dan Allah menyukai orang-orang yang bersih.

(Surah A1-Taubah: Ayat 107-108)

Syeikh Khudari dalam kitabnya yang bertajuk Nurul Yaqin halaman 83, menulis perkara ini sebagai berikut:

Ikut serta menolong golongan Munafiq meneruskan cita-cita mereka membina masjid Dhirar ini ialah segelintir orang-orang Arab Madinah yang keliru dan tidak menerima dakwah Muhammad Sallallahu'alaihi Wasallam. Mereka menyembunyikan kekafiran kerana takut nyawa mereka tergugat. Pemimpin kumpulan ini bernama 'Abdullah bin Ubai bin Salul Al Khazraji. Sebelum Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam berhijrah ke Madinah beliau pernah dicalonkan untuk menjadi ketua penduduk Madinah Sesungguhnya tidak diragukan lagi tentang bencana Munafiq terhadap orang Islam lebih besar daripada bencana yang mungkin diakibatkan oleh orang-orang kafir. Orang-orang Munafiq hidup bersama orang-orang Islam, mengetahui rahsia mereka dan membocorkan rahsia mereka kepada musuh sama ada golongan Yahudi atau golongan yang lain seperti mana yang kerap berlaku. Meskipun prinsip-prinsip yang dipegang oleh Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam terhadap mereka ialah menerima apa yang nyata dan meninggalkan segala yang tersirat dalam hati kepada ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala tetapi Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam tidak pula mengamanahkan kepada mereka melakukan sesuatu apa pun. Contohnya Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam sering meninggalkan Madinah dan sering pula mewakilkan kekuasaannya kepada beberapa orang Ansar. Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam tidak pernah mengangkat mana-mana orang yang diketahuinya mempunyai ciri-ciri kemunafiqan, kerana Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam mengetahui akibat yang mungkin berlaku jika sekiranya mereka diangkat menggantikan beliau semasa beliau tidak ada. Mereka pasti akan mengambil kesempatan tersebut untuk merosakkan orang-orang Islam. Ini satu pelajaran penting mesti difahami oleh ketua dan pemimpin Islam. Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam mengajar mereka supaya dalam hal-hal yang penting tidak

mempercayakan perlaksanaannya kepada orang-orang yang mempunyai ciri-ciri kemunafiqan atau menonjolkan apa yang berlawanan dengan isi hatinya

Sejarah Islam mencatatkan kisah perkelahian seorang yang mengambil upah daripada Umar Ibn Khattab dengan seorang yang mengikat perjanjian saling tolong-menolong dengan Khazraj iaitu qabilah Munafiq Abdullah bin Ubai bin Salul. Dalam pergaduhan tersebut buruh Umar Ibn Khattäb telah memukul lawannya sehingga berdarah. Peristiwa ini hampir sahaja mencetuskan beberapa perkembangan krisis yang tidak diingini. Kalaulah tidak kerana kebijaksanaan Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam yang bertindak segera mengawal dan memadamkan sumber fitnah tersebut nescaya buruk sekali padahnya.

Sejarah menceritakan bahawa apabila berita ini sampai ke pengetahuan Ibnu Salul beliau amat marah. Beliau lantas berkata kepada beberapa orang Khazraj yang berada di samping beliau ketika itu: "Tidak ada penghinaan yang lebih besar yang mereka lakukan seperti hari ini. Mereka (Ansar) tergamak melakukannya. Mereka cuba bertelingkah dengan kita di negeri kita sendiri. Demi Allah keadaan kita dengan orang-orang Muhajirin tidak seperti mana kata orang: "Engkau gemukkan anjing mu nanti ia akan menggigitmu."

Demi Allah Subhanahu Wata'ala jika kami pulang nanti ke Madinah nescaya pihak yang mulia akan mengenyahkan orang-orang yang hina. Dalam kumpulan Abdullah tersebut kebetulan ada seorang belia remaja yang kuat pegangan kelslamannya bernama Sa'id Bin Arqam. Apabila ia mendengar ucapan Abdullah Bin Ubai sedemikian itu ia pun menyampaikannya kepada Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam.

Untuk membendung berita itu Rasulullah pun memerintahkan rombongan yang menyertai beliau berangkat lebih awal dan masa yang dijadualkan. Ini ialah untuk menghindarkan peristiwa tersebut menjadi tajuk perbualan mereka. Usaid bin Hadir datang menemui baginda untuk menanyakan Rasulullah tentang motif keberangkatan yang mendadak di luar jadual yang ditetapkan. Rasulullah berkata kepadanya: "Apa tidakkah engkau mendengar apa yang dikatakan oleh kawan-kawan kamu yang bercadang hendak mengeluarkan orang-orang yang hina dan Madinah, kalau ia pulang nanti." Ujar Usaid: "Demi Allah wahai Rasulullah engkaulah yang berhak mengeluarkannya dari Madinah. Demi Allah dialah orang yang hina dan engkaulah orang yang mulia. Rasulullah terus memimpin rombongan mujahid Islam dengan pantas sehingga mereka keletihan kerana panas terik. Kemudian beliau dan rombongannya singgah berhenti rehat. Dalam pada itu beberapa orang Ansar pergi menemui Abdullah bin Ubai menasihatkannya supaya

meminta maaf kepada Rasulullah. Tetapi Abdullah Bin Ubai memalingkan wajahnya dengan rasa besar diri enggan memohon maaf. Berikutan dengan itu turunlah surah al Munafiqun yang mendedahkan tembelang Abdullah para pengikutnya dan penyokongnya yang munafiq.

Antara orang-orang yang dikenal sebagai munafiq ialah Nabtal Ibnu Al Harth. Rasulullah pernah mengeluarkan kata-kata tentang beliau. Katanya siapa yang mahu melihat syaitan hendaklah ia melihat Nabtal Ibnu Harth. Beliau selalu datang menemui Rasulullah dan bercakap-cakap dengan Rasulullah. Rasulullah memberi perhatian dan mendengar perkataannya. Apabila ia pulang Nabtal menemui orang-orang munafiq dan mencemuhkan Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam. Ia mengatakan Muhammad itu cepat percaya, Muhammad itu suka mendengar dan cepat percaya cakap orang. Allah berfirman:

وَمِنْهُمُ الَّذِينَ يُؤْذُونَ النَّبِيَّ وَيقُولُونَ هُوَ أُذُنٌ قُلْ أُذُنُ خَيْرٍ لَّكُمْ يُؤْمِنُ بِاللّهِ وَيُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِينَ وَرَحْمَةٌ لِّلَّذِينَ آمَنُواْ مِنكُمْ وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ رَسُولَ اللّهِ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ (61)

Maksudnya:
"Di antara mereka (munafiqin) ada yang menyakiti Nabi dan mengatakan: "Nabi mempercayai semua apa yang didengarnya." Katakanlah: "Ia mempercayai semua yang baik bagimu, ia beriman kepada Allah, mempercayai orang-orang Mu'min, dan menjadi rahmat bagi orang-orang yang beriman di antara kamu. "Dan orang-orang yang menyakiti Rasulullah itu, bagi mereka 'azab yang pedih."

(Surah Al-Taubah: Ayat 61)

Di antara anggota tentera munafiq pada waktu itu ialah Murabba' bin Qaizi. Beliau pernah berdalih untuk tidak menyertai peperangan Khandak (A1-Ahzab). Beliau mengatakan kepada Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam bahawa:

"Rumah kami terdedah (tidak aman)".

Dalam peristiwa ini Allah Subhanahu Wata'ala berfirman lagi:
Maksudnya:

وَإِذْ قَالَت طَّائِفَةٌ مِّنْهُمْ يَا أَهْلَ يَثْرِبَ لَا مُقَامَ لَكُمْ فَارْجِعُوا وَيَسْتَأْذِنُ فَرِيقٌ مِّنْهُمُ النَّبِيَّ يَقُولُونَ إِنَّ بُيُوتَنَا عَوْرَةٌ وَمَا هِيَ بِعَوْرَةٍ إِن يُرِيدُونَ إِلَّا فِرَارًا (13)

"Dan sebahagian daripada mereka meminta izin kepada Nabi (untuk pulang kembali) dengan berkata: "Sesungguhnya rumah-rumah kami terbuka (tiada penjaga)." Dan rumah-rumah itu sekali-kali tidak terbuka, mereka tidak lain hanyalah hendak melarikan diri."

(SurahAl-Ahzab: Ayat 13)

Kaum munafiqin di Madinah ketika itu ikut hadir dalam majlis pertemuan kaum Muslimin, mendengar pandangan-pandangan dan ucapan-ucapan mereka, tetapi mereka sentiasa merendah-rendahkan orang-orang Islam dan mempermain-mainkan agama mereka. Pada suatu hari kaum munafiqin tersebut berkumpul dalam masjid Nabawiy, sambil bercakap-cakap sesama sendiri dengan berbisik-bisik, masing-masing merapatkan diri sesama sendiri. Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam melihat mereka berbuat demikian lalu memerintahkan mereka keluar. Merekapun dikeluarkan daripada masjid dengan keras. Pengawal Islam, Abu Ayub Khalid Ibnu Zaid bangun menyeret kaki Amr Ibnu Qais — tokoh munafiqin yang pada suatu waktu dahulu adalah penjaga berhala-berhala di zaman jahiliyyah. Ia pun terus diseret sampai keluar masjid. Selepas itu Abu Ayub mencekak baju Rafe' Ibnu Wadi'ah seorang lagi kader munafiqin; lalu disentapnya dengan keras sambil menampar wajah Rafe'. Beliau menolak Rafe' keluar daripada masjid sambil berkata, "Nyahlah engkau wahai munafiq bangsat! Jauhlah wahai munafiq dan masjid Rasulullah ini!"

RINTANGAN KETIGA:
ORANG KAFIR YANG MEMERANGINYA

Halangan ketiga yang dihadapi oleh para da'ei — Khasnya sekarang ialah cabaran keras, tipu daya dan komplot-komplot orang Kafir.
Allah berfirman:
Maksudnya:

إِن تَحْرِصْ عَلَى هُدَاهُمْ فَإِنَّ اللّهَ لاَ يَهْدِي مَن يُضِلُّ وَمَا لَهُم مِّن نَّاصِرِينَ (37)

Supaya Allah memisahkan (golongan) yang buruk dan yang baik dan menjadikan (golongan) yang buruk itu sebahagiannya di atas sebahagian yang lain, lalu kesemuanva ditumpukkanNya, dan dimasukkanNya ke dalam neraka Jahanam. Mereka itulah orang-orang yang merugi.

(Surah Al-Anfal: Ayat 37)

Orang-orang kafir adalah pengembang dan penyokong-penyokong kebatilan. Mereka alat-alat syaitan, pengikut-pengkutnya pada bila-bila masa dan di mana juapun. Mereka selama-lama adalah musuh kebenaran, keimanan hingga hari kiamat. Pertarungan antara iman dan kufur berlarutan sejak dari dulu dan sepanjang hayat sehinggalah Allah mewarisi bumi ini dan segala isinya. Pertarungan ini amat sengit kerana ia merupakan pertarungan antara dua pihak yang saling bertentangan. Pertentangan ini terbayang dalam firman Allah:
Maksudnya:

قُلْ مَن رَّبُّ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ قُلِ اللّهُ قُلْ أَفَاتَّخَذْتُم مِّن دُونِهِ أَوْلِيَاء لاَ يَمْلِكُونَ لِأَنفُسِهِمْ نَفْعًا وَلاَ ضَرًّا قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الأَعْمَى وَالْبَصِيرُ أَمْ هَلْ تَسْتَوِي الظُّلُمَاتُ وَالنُّورُ أَمْ جَعَلُواْ لِلّهِ شُرَكَاء خَلَقُواْ كَخَلْقِهِ فَتَشَابَهَ الْخَلْقُ عَلَيْهِمْ قُلِ اللّهُ خَالِقُ كُلِّ شَيْءٍ وَهُوَ الْوَاحِدُ الْقَهَّارُ (16)

Katakanlah: "Siapakah Tuhan langit dan bumi?"Jawabnya: "Allah ". Katakanlah: "Maka patutkah kamu mengambil pelindung-pelindungmu selain dari Allah, padahal mereka tidak dapat memberi manfaat atau mudarat bagi diri mereka sendirii?" Katakanlah: "Adakah sama orang buta dan orang yang melihat, atau samakah gelap gelita dan, terang benderang; apakah mereka menjadikan beberapa sekutu bagi Allah yang dapat menciptakan seperti ciptaanNya sehingga kedua ciptaan itu serupa menurut pandangan mereka?" Katakanlah: "Allah adalah Pencipta segala sesuatu dan Dialah Tuhan Yang Maha Esa lagi Maha Perkasa"

(Surah A1-Ra'd: Ayat 16)

NABI-NABI DAN KOMPLOT ORANG KAFIR:

Orang-orang kafir sebenarnya orang-orang yang sentiasa memerangi seruan dan ajakan kebenaran sejak Allah mencipta Adam 'alaihissalam. Mereka adalah golongan penentang yang memerangi kebenaran risalah-risalah yang dibawa oleh para Rasul. Penentangan mereka terus menerus bergejolak sehinggalah Allah memutuskan ketentuannya.

Kalau kita tatapi sejarah kita dapati Musa 'alaihissalam pernah mencabar Firaun dengan kebenaran tanpa gentar sedikitpun akan mati; selama perjuangan tersebut demi Allah. Kisah beliau ini tersurat dalam Al Qur'an; dalam Surah al Ghafir: Ayat 23:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مُوسَى بِآيَاتِنَا وَسُلْطَانٍ مُّبِينٍ (23)

Bermaksud:
Dan sesungguhnya telah Kami utus Musa dengan membawa ayat-ayat kami dan keterangan yang nyata

Nabi Ibrahim 'alaihissalam pula terus-menerus menyeru kaumnya supaya menurut hidayah dan meninggalkan perbuatan menyembah berhala. Akan tetapi jawapan kaumnya tidak lain dan penentangan dan kekejaman. Allah berfirman:

فَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِ إِلَّا أَن قَالُوا اقْتُلُوهُ أَوْ حَرِّقُوهُ فَأَنجَاهُ اللَّهُ مِنَ النَّارِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ (24)

Maksudnya:
Maka tidak adalah jawapan kaum Ibrahim, selain mengatakan "Bunuhlah atau bakarlah dia " lalu Allah menyelamatkannya dari api. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda Kebesaran Allah bagi orang-orang yang beriman.
(Surah Al Ankabut: Ayat 24)

Suatu contoh yang lain ialah Nabi Isa Putera Maryam. Bertahun-tahun beliau menyeru Bani Israel mengajak mereka menyembah dan mematuhi Allah. Beliau berkata seperti yang tertera di dalam al-Qur'an:

إِنَّ اللّهَ رَبِّي وَرَبُّكُمْ فَاعْبُدُوهُ هَذَا صِرَاطٌ مُّسْتَقِيمٌ (51)

Maksudnya:
Sesungguhnya Allah Tuhanku dan Tuhanmu, kerana itu sembahlah Dia. Inilah jalan yang lurus.

(Surah Ali-Imran: Ayat 51)

Demikianlah telatah golongan kafir menghadapi para Nabi dan utusan Allah. Telatah dan perwatakan mereka ini dijelaskan di dalam al-Qur'an dalam firman Allah:

وَلَقَدْ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ وَقَفَّيْنَا مِن بَعْدِهِ بِالرُّسُلِ وَآتَيْنَا عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ الْبَيِّنَاتِ وَأَيَّدْنَاهُ بِرُوحِ الْقُدُسِ أَفَكُلَّمَا جَاءكُمْ رَسُولٌ بِمَا لاَ تَهْوَى أَنفُسُكُمُ اسْتَكْبَرْتُمْ فَفَرِيقاً كَذَّبْتُمْ وَفَرِيقاً تَقْتُلُونَ (87)

Maksudnya:
Dan sesungguhnya Kami telah menurunkan Al Kitab (Taurat) kepada Musa dan Kami susuli pula selepas beliau sesudah itu dengan Rasul-Rasul, dan Kami berikan bukti-bukti kebenaran (mukjizat) kepada Isa putera Maryam dan Kami memperkuatkannya dengan RahulQudus. Apakah setiap datang kepadamu seorang rasul membawa sesuatu (pelajaran) yang tidak sesuai dengan keinginanmu lalu kamu menyombong; maka beberapa orang (di antara mereka) kamu dustakan dan beberapa orang (yang lain) kamu bunuh?

(Surah Al-Baqarah: Ayat 87)

Dan firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيِّينَ بِغَيْرِ حَقٍّ وَيَقْتُلُونَ الِّذِينَ يَأْمُرُونَ بِالْقِسْطِ مِنَ النَّاسِ فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ (21)

Maksudnya:
Sesungguhnya orang-orang yang kafir kepada ayat-ayat Allah dan membunuh para Nabi tanpa alasan yang benar dan membunuh orang-orang yang menyuruh manusia berbuat adil, maka gembirakanlah mereka bahawa mereka akan menerima siksa yang pedih.
(Surah Ali-Imran: Ayat 21)

Juga dalam firman Allah:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا مِّنَ الْمُجْرِمِينَ وَكَفَى بِرَبِّكَ هَادِيًا وَنَصِيرًا (31)

Maksudnya:
Dan seperti itulah, telah Kami adakan bagi tiap-tiap Nabi, musuh dari kalangan orang

yang berdosa. Dan cukuplah Tuhanmu menjadi Pemberi petunjuk dan Penolong.
(Surah Al Furqan: Ayat 31)

RASUL DAN KONSPIRASI ORANG KAFIR

Sebenarnya apa yang menjadi penanggungan Rasulullah berupa tipu daya, fitnah angkara daripada orang-orang kafir terlalu banyak untuk dipaparkan dan sukar rasanya untuk digambarkan. Rasulullah sendiri telah menghadapi berbagai-bagai percubaan untuk membunuhnya yang dirancang oleh orang-orang kafir. Ketika beliau berhijrah ke Ta'if orang-orang kafir menggunakan anak-anak muda, hamba sahaya dan samseng-samseng mereka menyakiti dan melempar beliau dengan batu. Beliau diejek-ejek, dicerca, dan dicaci sedemikian rupa. Namun beliau hanya memulangkan segala caci dan kata nista itu kepada Allah. Dengan hati yang pilu beliau berdoa:

اللهم
اليك أشكو ضعف قوتي
وقلة حيلتي وهواني على الناس،
يا أرحم الراحمين! انت ربي ورب
المستضعفين
الى من تكلني ؟ إلى بعيد يتجهمني ، ام إلى
قريب ملكته امري ؟ ان لم يكن بك غضب علي فلا أبالي ،
ولكن عافيتك هي أوسع لي ، أعوذ بنور وجهك الذي أشرقت
له الظلمات ، وصلح عليه امر الدنيا والآخرة من ان ينزل بي
غضبك أو يحل علي سخطك ،
لك العتبى حتى ترضى ولا حول
ولا قوة إلا بك!

Maksulnya:
'Ya Allah! Aku mengadu kepadaMu tentang kelemahanku, kekurangan dayaku dan betapa rendahnya pandangan orang terhadapku. Wahai Tuhan Yang Maha Fengasih, Engkaulah Tuhanku dan Tuhan manusia-manusia yang bertindas. Kepada siapa hendak Kau serahkan diriku? Adakah kepada orang yang jauh yang bersikap kasar terhadapku

ataukah kepada kerabat yang Kau kurniakan kuasa kepadanya mengatasiku? Tapi, kiranya Engkau tidak memurkai aku semuanya itu tidak akan aku hiraukan! Namun harapanku kesejahteraan dariMu lebihku harapkan untuk diriku. Ku berlindung dengan cahaya wajahMu yang menerangi segala kegelapan yang dapat menyejahterakan urusan dunia dan akhirat. Aku berlindung kepadaMu dari kemurkaan dan kemarahanMu terhadapku. Relalah aku atas segala-galanya hinggalah Engkau relakan aku. Tidak ada daya, tidak ada kekuatan melainkan dengan bersamaMu.'

Pada suatu ketika sedang Rasulullah berjalan, beliau berselisih dengan orang-orang musyrik yang sedang duduk di Masjidil Haram. Tiba-tiba orang-orang musyrik tersebut melompat bangun menghadang dan mengelilingi beliau. Mereka membentak; "Kaukah orang yang pernah berkata begini dan begitu?" Rasulullah pun dengan penuh kepercayaan kepada dirinya menjawab; "Ya, akulah orang yang mengatakan demikian itu." Pada hari itu beliau telah dipukul beramai-ramai oleh orang-orang kafir. Kalaulah tidak dengan takdir Allah Abu Bakar datang meleraikan mereka, nescaya beliau mungkin mati dikeroyok oleh orang-orang *musyrik* tersebut. Dalam kesempatan yang lain ketika beberapa kumpulan umat Islam mula berhijrah ke Madinah sebagai merintis hijrah Rasullullah ke Madinah, orang-orang musyrik telah mengadakan suatu pertemuan di Dara'l-Nadwah. Di dalam pertemuan itu mereka membuat rancangan untuk membunuh Rasulullah ketika beliau sedang tidur di rumahnya. Komplot ini disertai oleh hampir-hampir semua famili Quraisy. Peristiwa ini diabadikan oleh Allah dalam firmanNya:

وَإِذْ يَمْكُرُ بِكَ الَّذِينَ كَفَرُواْ لِيُثْبِتُوكَ أَوْ يَقْتُلُوكَ أَوْ يُخْرِجُوكَ وَيَمْكُرُونَ وَيَمْكُرُ اللّهُ وَاللّهُ خَيْرُ الْمَاكِرِينَ (30)

Bermaksud:
"Dan (ingatlah), ketika orang-orang kafir (Quraisy) menyusun tipu daya terhadapmu untuk menangkap dan memenjarakanmu atau membunuhmu, atau mengusirmu, mereka memikirkan tipudaya dan Allah menggagalkan tipudaya itu. Dan Allah sebaik-baik pembalas tipudaya."

(Surah Al-Anfal: Ayat 30)

Setelah baginda berhijrah ke Madinah suatu rancangan untuk membunuh beliau telah disusun. Safuan Bin Umaiya mengupah salah seorang kafir Quraisy yang bernama Umair bin Wahab untuk membunuh Rasulullah. Beliau berjanji kepada orang kafir tersebut jika ia berjaya membunuh RasuluLlah maka segala hutangnya akan dibayar dan keluarganya ditanggung oleh Safuan Ibnu Umaiyah. Umair Bin Wahab pergi ke Madinah untuk melaksanakan rancangan itu. Tetapi ketika beliau masuk ke Masjid, Rasulullah terlihat kepadanya. Pada waktu itu Allah mendedahkan rahsia kedatangannya itu kepada Rasulullah

Sallallahu ‘alaihi Wasallam. Rasulullah SallAllahu ‘alaihi Wasallam pun berkata kepadanya: “Mari hampir di sini wahai Umair.” Beliaupun menghampiri Rasulullah, bertanya kepadanya: “Apa tujuan sebenar kedatanganmu wahai Umair?” Umair cuba mencari helah dan berdusta. Melihatkan telatahnya yang terus-menerus menyembunyikan kebenaran Rasulullah pun berkata kepadanya: “Aku tahu engkau telah duduk bersama-sama dengan Safuan bin Umaiyah di tepi Kaabah. Kamu berdua berbincang tentang ashabul-Qulaib dari kaum Quraisy. Pada waktu itu engkau berkata: “Kalau tidak kerana hutangku dan keluarga tanggunganku nescaya aku pergi membunuh Muhammad.” Kemudian Safuan berjanji untuk menolong engkau menjelaskan hutangmu dan menanggung keluargamu dengan syarat engkau datang membunuh aku untuk memenuhi tujuannya. Allah menahanmu dari melakukan perbuatan itu!” Akhirnya ia menginsafi kebenaran Rasulullah dan Umair Ibnu Wahab pun memeluk agama Islam.

PARA SAHABAT DAN TIPUDAYA ORANG-ORANG KAFIR


Sebagaimana halnya dengan golongan Rasul dan para Nabi maka demikian juga penanggungan para penyokong mereka; dan sahabat terdekat. Para sahabat Rasulullah SallAllahu ‘alaihi Wasallam telah menghadapi berbagai bentuk serangan dan penindasan dari orang-orang kafir, namun keazaman mereka tidak pernah luntur dan padam. Allah berfirman:

وَكَأَيِّن مِّن نَّبِيٍّ قَاتَلَ مَعَهُ رِبِّيُّونَ كَثِيرٌ فَمَا وَهَنُواْ لِمَا أَصَابَهُمْ فِي سَبِيلِ
اللّهِ وَمَا ضَعُفُواْ وَمَا اسْتَكَانُواْ وَاللّهُ يُحِبُّ الصَّابِرِينَ (146)

Maksudnya:
“Dan tidak pula mereka menjadi lemah semangat lantaran apa yang mereka deritai dalam perjuangan fisabilillah, mereka tidak kehilangan harapan dan tidak pula berdiam diri. Dan (bahawa) Allah sayang kepada orang-orang yang sabar.”

(Surah Ali-Imran: Ayat 146)

Dalam peristiwa raji’ beberapa pendakwah Islam telah dibunuh sewaktu mereka dalam perjalanan ke daerah ‘Adal dan Qarah untuk mengembangkan dakwah Islam dan membimbing penduduknya. Di antara yang terbunuh itu ialah Asim Bin Sabit. Ketika beliau hendak dibunuh beliau sempat menggubah sebuah madah yang berbunyi:


ما علتي وأنا جلد نابل
والقوس فيهـا وتر عنابل
تزل عن صفحتها المعابـل
الموت حـق
والحياة باطـل
وكل ما حم الاله نـازل
بالمرء والمرء إليـه آيـل

Maksudnya:

Apa cacatku jika aku manusia tabah dan gagah,
Busar panahku teguh dan kukuh sentiasa,
Dan busarku nan kukuh meluncur panah,
Maut itu kan hakikat dan hidup itu maya,
Segala yang ditakdirkan Tuhan pasti,
Mengenai seseorang, bukanlah kepada Allah jua ia akan kembali.

Seorang lagi yang menerima nasib yang sama ialah Khubaib Bin Adi. Ketika ia dibawa keluar daripada kawasan Masjidil Haram untuk dibunuh ia meminta kepada orang kafir itu supaya membenarkannya sembahyang dua rakaat. Selepas itu ia datang semula. Dan dia berkata: "Kalaulah tidak kerana kamu mungkin menyangka aku takut mati nescaya aku akan menambah lagi kadar sembahyangku." Beliaulah orang yang pertama memulakan amalan sembahyang dua rakaat apabila hendak dibunuh. Kemudian beliau berdoa:


اللهم احصهم عدداً

"Ya Allah, Engkau pastikanlah bilangan penzalim ini (untuk Engkau membalas kezaliman mereka)."

Kemudian ia bermadah:

وذلك في ذات الاله وان يشـــأ
يبارك عـلى اوصال شلو ممـزع
ولست ابالي حين اقتل مسلمـــا
على أي جنب كان في الله مصرعي

Sekiranya Allah menghendaki berkat,
Pada anggotaku yang hancur lumat,
Persetan tubuhku dibunuh mati,
Untuk Allahlah kematianku pasti.

Selain daripada Khubaib ialah Zaid bin Dathanah. Apabila ia diiring keluar dari kawasan Masjidil Haram untuk dibunuh, berkumpullah beberapa petualang-petualang Quraisy di sekeliling beliau termasuk Abu Sufian bin Harb. Abu Sufian bertanya kepadanya "Demi Allah, wahai Zaid aku ingin bertanya kepadamu adakah engkau suka Muhammad menggantikan tempatmu di sini untuk kami penggal lehernya dan engkau sendiri berada sesama keluarga engkau?" Beliau menjawab: "Demi Allah, saya tidak suka sama sekali Muhammad di sini atau malah di tempat lain, walaupun sekadar ia dicucuk oleh duri padahal aku duduk bersama keluargaku." Kemudian Abu Sufian pun berkata; "Aku tidak pernah berjumpa orang-orang yang sayang kepada seseorang seperti sayangnya sahabat Muhammad kepada Muhammad."

Dalam kejadian di Bi'ri Maunah orang-orang kafir mengkhianati 40 orang pendakwah muslim yang pada asalnya telah disepakati untuk dibawa ke Najid untuk menyibarkan dakwah Islam berdasarkan permintaan Abi Bura' Amir bin Malik. Orang-orang kafir di kalangan qabilah Bani Salim yang diketuai oleh Amir bin Tufail teiah mengepung pendakwah-pendakwah Muslim tersebut yang masih berada di atas tunggangan masing-masing. Apabila mereka menyedari orang-orang kafir itu sedang mengepong mereka dan sebenarnya mereka telah diperdaya, maka mereka pun menghunus pedang masing-masing dan bertempur dalam pertempuran yang tidak seimbang sehingga mereka semuanya mati syahid.

Dalam perang Uhud pula tujuh orang Ansar telah menggadaikan nyawanya, mereka mati syahrd mempertahankan Rasulullah SallAllahu 'alaihi Wasallam. Imam Ahmad meriwayatkan hadith daripada Anas radiyAllahu'anhu

yang menerangkan bahawa dalam peristiwa itu orang-orang musyrik dapat menumpaskan pertahanan Nabi, beliau hanya dikelilingi oleh tujuh orang Ansar dan seorang lelaki Quraisy. Dalam keadaan yang kritikal itu Rasulullah bersabda; "Siapa yang sanggup menentang mereka maka dia akan menjadi pengapitku di Syurga." Maka tampillah seorang Ansar yang ada menentang kemaraan orang-orang musyrikin sehingga tumpas. Bila dirasakan orang orang kafir terus menghimpit beliau, beliau berkata; "Siapakah yang dapat menghalang mereka dia akan menjadi pengapitku di syurga." Akhirnya ketujuh-tujuh Ansar tersebut mati syahid. Rasulullah pun berkata:

Maksudnya:

ماانصنمنا اصحابنا

"Tidak patut sahabat-sahabat kamu membiarkan begini."

Dalam perang Yarmuk; lkramah bin Abi Jahal bersama-sama 400 orang pejuang Islam telah berjuang habis-habisan sehingga ke titisan darah yang terakhir. Ketika pertempuran semakin sengit Ikramah berkata; "Aku telah berjuang dalam pelbagai medan perang bersama Rasulullah dan aku tidak pernah berundur tetapi apakah aku akan berundur hari ini." Kemudian beliau berteriak dan berkata: "Siapa yang mahu berbai'ah untuk berjuang sampai mati!?" Maka bapa saudara Hans bin Hisyam bersama-sama empat ratus orang pejuang Islam yang berjalan kaki dan berkuda ikut membai'ah beliau. Setelah itu mereka pun menyerang dan bertempur sehingga mereka tumpas. Ramai yang mati dan ramai juga yang luka-luka.

PENDERITAAN PEMIMPIN DAN PARA DU'AT SEPANJANG SEJARAH

Demikianlah sejarah Islam penuh dengan catatan-catatan gemilang tentang tekad serta keazaman pejuang-pejuang Islam di zaman lampau. Sejarah menjelaskan betapa gigihnya para pendakwah di zaman lampau sewaktu mereka berhadapan dengan pelbagai bentuk penindasan, penyiksaan dan hukuman dari masa ke semasa. Para pendakwah Islam biar di mana, biar bila-bila masa pun dalam mengikuti jejak langkah mereka hendaklah mempunyai kesabaran yang tinggi seperti ketabahan para leluhur tersebut. Mereka hendaklah mencontohi sifat unggul mereka. Dengan demikian mereka boleh menjadi generasi pewaris yang terbaik; menggantikan angkatan Islam yang terbaik. Mereka wajib faham dan menyedari hakikat bahawa perjuangan mereka adalah merupakan kesinambungan usaha dakwah yang direstui oleh Allah. Mereka patut insaf bahawa pendokong-pendokong dakwah ialah para mujahid dan para syuhada. Mereka bukan sekadar filosof atau tukang pidato penggegar podium semata-mata!!

Dalam kesempatan ini kita akan perturunkan beberapa gambaran unggul yang telah ditempa oleh sebilangan pemimpin dan para da'ei dalam menghadapi kezaliman tirani. Dari gambaran tersebut kita dapat mengetahui betapa cekal dan tabahnya para leluhur tersebut dalam perjuangan mereka. Semoga catitan sejarah mereka dapat menjadi eksir penawar bagi kita dalam menempuh suka-duka dan pedih-perit perjuangan. Angkatan al-Rahman hendaklah meneruskan perjuangannya sehingga datang ketentuan Allah. Tidak ada apa pun yang dapat menghalang kelangsungannya.

Antara para pemuka yang boleh menjadi contoh ialah Sa'id bin Al-Musayyab radiyAllahu'anhu. Beliau enggan menjadi pendokong rejim Abdul Malik bin Marwan, walaupun puas Abdul Malek bin Marwan memujuk beliau supaya menjadi penyokongnya. Meskipun Sa'id Bin Al-Musayyab adalah Sayyid Al-Tabi'in, namun Abdul Malik bin Marwan tergamak menghukum beliau dengan hukuman dera 50 kali. Beliau diusung mengelilingi bandar Madinah di samping orang ramai ditegah untuk menghampiri majlis pengajian beliau. Dalam menempuh dugaan ini beliau kadangkali mengingatkan orang supaya jangan menghadiri majlis pengajiannya. Dengan demikian mereka tidak akan menanggung apa-apa kesulitan kerananya. Sikap beliau yang tegas itu menyebabkan beliau terus menerima siksaan demi siksaan, sehinggalah beliau pulang menemui tuhan Rabbul Jalil.

Selain daripada beliau ialah Sa'id bin Jubair. Beliau telah dimurkai oleh Hajjaj bin Yusuf, penguasa fasiq dan Banu Thaqif. Beliau menanggung penyeksaan dan kezaliman dari Hajjaj, akan tetapi segala-galanya itu dihadapinya dengan penuh keberanian dan keras hati. Ancaman-ancaman ganas tidak sedikit pun melenturkan keazaman waja Sa'id bin Jubair; sehinggalah beliau akhirnya dibunuh. Ketika Hajjaj bin Yusuf mengeluarkan arahan supaya beliau disembelih. Sa'id bin Jubair berkata:—

"Kataku ialah —Aku naik saksi bahawa tidak ada tuhan kecuali Allah sahaja. Tidak ada sekutu baginya dan bahawa Muhammad adalah hambaNya dan RasulNya. Ambillah kata-kataku ini sehinggalah engkau menemuiku di akhirat kelak. Ya, Allah! janganlah engkau benarkan dia membunuh sesiapa pun jua selepas aku." Beliau lantas disembelih dan urat leher kanan ke kiri sedangkan lidahnya terus menerus mengingati Allah. Ketika menganggapi peristiwa ini Imam Ahmad Ibn Hanbal menyatakan:-

"Hajjaj telah membunuh Sa'id bin Jubair padahal tiada sesiapa pun ketika itu di dunia ini kecuali ia sangat-sangat memerlukan kepada ilmu Sa'id bin Jubair. (petikan dan Wafayatul a'yan).

Abu Hanifah an-Nu'man juga suatu contoh yang relevant dalam konteks ini. Beliau tidak bersetuju dengan tindak tanduk politik Abi Ja'far Al-Mansur. Menurut Daud b. Rashid Al-Wasiti:—

"Aku pernah menyaksikan Imam Abu Hanifah disiksa. Tiap kali beliau dikeluarkan dan bilik tahanan, beliau dipukul 10 kali. Penderaan itu berulang hingga sebanyak 110 pukulan. Kemudian apabila ia merasakan pukulan itu akan berterusan Imam Abu Hanifah pun berdoa dengan suara yang rendah — Ya! Allah! jauhkanlah aku dari bencana mereka dengan kudrat Mu." Melihatkan beliau masih terus dengan sikapnya maka akhirnya beliaupun diracuni. Sesungguhnya Imam Abu Hanifah adalah seorang yang tabah dan gigih dalam jihad dan perjuangannya; walaupun ketika hendak menghembuskan nafas yang terkhir, beliau sempat berwasiat supaya beliau ditanam di tanah perkuburan yang baik yang tidak pernah berlaku rompakan di atasnya ataupun dirompak oleh penguasa.

Diriwayatkan apabila kisah Imam Abu Hanifah sampai ke pengetahuan Abi Ja'far yang memerintah ketika itu, ia mengeluh dan berkata:—

"Siapakah gerangan yang dapat membebaskan aku dari dakwaan Abu Hanifah semasa hidup dan matinya."

Termasuk dalam kalangan ini ialah Imam Ahmad Ibn Hanbal. Sebagai seorang tokoh ilmiawan yang berkaliber besar, beliau telah menanggung penderitaan yang sukar untuk dilukiskan, amat berat untuk ditanggung oleh manusia. Imam Ahmad menceritakan:—

"Apabila Al-Mu'tasim meradang, setelah beberapa lama berbincang, dia (Al-Mu'tasim) pun berkata:— 'Kutukan Allah kepadamu, sebelum ini aku mengharapkan engkau bersetuju'. Tangkap dia! bentak Al-Mu'tasim: 'Tanggalkan bajunya dan heret', maka aku (Imam Ahmad) pun ditangkap dan diheret oleh orang-orang Al-Mu'tasim." Kemudian Al-Mu'tasim memerintahkan

"Bawa ke mari tukang cemeti dan tukang siksa, lalu diarahkan kepada salah seorang algojo itu; Ayuh! pukul dia bedebah! Algojo tersebut memukul aku 2 kali, kemudian ia berundur. Ketika Imam Ahmad dipukul pada kali pertama beliau mengucap perkataan:

باسمالله..

pada kali keduanya pula, beliau membaca

لاحول ولا قوة الاالله

Selepas pukulan ketiga beliau mempersaksikan:

القران كلام الله غير مخلوق

(Al-Qur'an adalah kata-kata Allah dan bukan makhluk).

Setelah dipukul pada kali ke-4, Imam Ahmad membaca:

قل لن يضيبنا الاما كتب الله لنا

lantas pukulan itu diteruskan
sehingga mencapai 110 kali.

Demikianlah siri penderitaan yang ditanggung oleh Imam Ahmad. Akhirnya beliau kembali kerahmatullah dengan segala penanggungan tersebut.

Apabila orang ramai menasihatkan beliau (Imam Ahmad) supaya segera meninggalkan negeri menyelamatkan diri daripada tangkapan penguasa, beliau berkata:—

"Demi Allah saya tidak akan lari dan tidak akan bersembunyi. Kami sebenannya baru dipermulaan jihad. Kami masih belum melakukan apa-apa. Aku telah bertekad untuk menanggung apa saja dalam penjuangan ini. Sesungguhnya Allah tidak mensia-siakan amalan orang yang sabar."

Selain daripada Imam Ahmad ada seorang ulama besar yang bernama Al-Iz bin Abdul Salam. Beliau terkenal sebagai seorang yang tegas menyatakan kebenaran, tidak takut kepada cacian dalam menegakkan risalah Allah. Apabila Ismail (Sultan yang memerintah ketika itu) menggunakan pembantu dari kalangan orang-orang kafir salibiyyah dan membenarkan mereka memasuki Damsyik membeli senjata dan meminta pertolongan dan mereka dalam memerangi saudaranya Nejmuddin pada tahun 138 Hijrah, maka tindakan khianat ini telah ditentang keras oleh Al-Iz bin Abdul Salam. Beliau lalu mengeluarkan fatwa mengharamkan penjualan senjata kepada orang kafir salibiyyah tersebut. Dalam khutbah beliau dari atas mimbar masjid Umawi, beliau menjelaskan pendapat beliau dengan lantang dan membidas tindakan politik serta pengkhianatan Sultan Ismail. Beliau berdoa dengan doa berikut:—

اللهم ابرم لهذه الامة ابرام رشد يعز فيه اولياؤك ويذل فيه
اعداؤك ويعمل فيه بطاعتك وينهى فيه عن معصيتك.

"Ya Allah! engkau takdirkanlah bagi ummat ini sesuatu yang waras; di mana penyokong-penyokongMu beroleh kemuliaan dan musuh-musuhMu ditimpa kehinaan. Dalam kewarasan tersebut Engkau dipatuhi dan segala maksiat dicegah."

TRIBULASI PARA DA'EI ZAMAN MODEN

Sepanjang setengah kurun yang lalu hingga kini dakwah Islam dan para da'ei telah menghadapi berbagai-bagai tipu daya dan konspirasi dan musuh-musuh Islam; di dalam dan di luar negeri. Ada yang ditembak mati dengan cara yang licin. Ada juga yang digantung, manakala sebahagian yang lain dibuang negeri. Semuanya ini adalah kerana tekad dan ketegasan mereka untuk terus bertuhankan Allah dalam erti kata yang sebenarnya. Ada yang dituduh menjadi boneka penjajah padahal orang-orang yang menuduh itulah sebenarnya boneka dan upahan penjajah. Ada pula yang dituduh sebagai pengkhianat tetapi kemudiannya ternyata bahawa penuduh tersebutlah pengkhianat tulin.

Di Palestin merekalah yang mempelopori perjuangan menentang pendudukan zionis dari peringkat awal-awal lagi. Mereka telah mengajukan pengorbanan berupa titisan darah para syuhada' padahal ketika itu para penguasa berlumba-lumba memberi kesetiaan kepada musuh-musuh.

Mereka sentiasa berazam menumpaskan penjajah Barat. Malah mereka terlibat dalam pertarungan sengit menentang penjajah Inggeris ketika mana orang lain sedang sibuk berbaik-baik dan mengampu penjajah durjana itu. Detik-detik sejarah juga menunjukkan bahawa mereka telah tampil membenteras pengaruh komunis dan faham ilhad sebelum tipudaya ini berjaya membelit umat Islam dan menimbulkan bencana demi bencana. Para pendakwah Islamiyyah di Mesir umpamanya dalam period- period tersebut amat banyak menanggung penderitaan, tekanan dan penganiayaan. Hampir-hampir seluruh angkatan generasi tensebut; yang mendapat tarbiyyah dari madrasah Muhammad Bin Abdillah menjadi sasaran perencanaan ganas untuk ditumpaskan.

Hassan Al-Banna, Mursyid 'Am Ikhwan Muslimin ditembak syahid dalam tahun 1949 oleh rejim yang berkuasa ketika itu kerana menunut suatu perencanaan Inggenis untuk menghancurkan gerakan Islam yang dianggap menggugat kelangsungan empire mereka. Beliau dibunuh semata-mata kerana beliau membangkitkan kesedaran dan menyatakan kebenaran di kalangan rakyat. Beliau cuba melepaskan orang ramai dari belenggu perhambaan tirani dan menyatukan meneka dari menjadi boneka penjajah. Beliau ditembak semata-mata kerana beliau mengajak onang ramai kembali menyembah Allah Yang Maha Esa, Maha Berkuasa, kembali kepada kemuliaan Islam. Ganjaran yang

beliau terima rupa-rupanya ialah beberapa biji peluru yang menembusi dadanya di siang hari yang panas terik.

وَهُمْ عَلَى مَا يَفْعَلُونَ بِالْمُؤْمِنِينَ شُهُودٌ (7)

"Mereka benci kepada orang-orang mukmim semata-mata kerana mereka beriman kepada Allah Maha Perkasa dan Maha Terpuji".

(Surah Al-Buruj: Ayat 7)

Dalam tahun 1954 seorang ulama ulung Abdul Qadir bin Audah diseret ke tali gantung. Beliau dibunuh persis seperti membunuh petualang dan para penjahat; semata-mata kerana beliau tidak rela melihat agama Allah direndahkan.

Sewaktu orang lain gementar lutut dan kecut menghadapi tirani, menurut saja apa katanya, beliau sanggup mengatakan TIDAK dengan penuh keberanian. Benarlah sabda Rasulullah:—

اذا رأيب امتي تها ب ان تقول للظا يا ظالم فقد تودع منها

"Jika anda melihat umatku takut untuk mengatakan kepada orang yang zalim, 'Wahai orang penzalim! Maka itu tandanya umatku telah bermesra-mesraan dengan mereka."

Dalam tahun 1966 mahkamah tirani dengan pemalsuan fakta dan dengan niat buruk telah menjatuhkan hukuman bunuh kepada ahli fikir Islam yang terkemuka Sayyid Qutb. Institusi perisik negara ketika itu telah mengatur dan menyusun berbagai-bagai tuduhan fitnah dan menggunakan media massa serta teknik penyebaran yang licik untuk menimbulkan kebencian terhadap gerakan dan penyokong-penyokong mereka ketika itu. Allah berfirman:—

يُرِيدُونَ لِيُطْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَاللَّهُ مُتِمُّ نُورِهِ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ (8)

"Mereka hendak memadamkan Nur Allah dengan mulut mereka, namun Allah pasti menyempurnakan cahayanya walaupun orang-orang kafir tidak suka."

(Surah Al-Saf: Ayat 8)

Di Iran pula mahkamah luar biasa yang bersidang dalam tahun 1966 telah menjatuhkan hukuman bunuh ke atas mujahid Nawwab Safawi dan rakan-rakannya dan kalangan mujahid (Gerakan Fedaiyan Islami). Mereka lakukan kekejaman demikian adalah untuk meneruskan penyelewengan politik Iran ketika itu dan pertaliannya dengan penjajah Barat. Penyelewengan politik ini telah ditentang oleh Al-Syahid Nawsb Safawi dan rakan-rakannya. Mereka menyeru pemerintah Iran agar mempunyai sikap tersendiri, jauh dan telunjuk

penjajah. Mereka menuntut supaya undang-undang Allah diterapkan dalam pemerintahan dan jentera pemerintah.

Di Iraq dalam tahun-tahun 7Oan, jari-jari petualang berjaya meregut nyawa ramai kalangan pemimpin dan para da'ie Muslim. Perancangan ngeri yang bertujuan membenteras kewujudan fizikal aktivis dan gerakan Islam dilaksanakan dalam rumah-rumah aktivist tersebut. Di antara syuhada' yang telah menjadi korban mereka ialah Syeikh Abdul Aziz Al-Badri pengarang buku "Hukum Islam Terhadap Nasionalisma", Sheikh Arif Al-Basri, mujahid Izzuddin Al-Qabbany, Imadudin Al-Tabrizi, Al-Syahid Hashim Abdul Salam, Abdul Razak Shanddaq, Muhammad Al-Banna dan lain-lain.

Dalam tahun 1976 melayang nyawa seorang mujahid terkenal Marwan Hadid atau (Abu Khalid). Rohnya kembali ke rahmat Allah mengadukan kezaliman tirani. Jasadnya terbujur kaku di rumah tahanan dimamah penyeksaan yang tidak tentanggung oleh manusia ataupun haiwan. Pelbagai perkakas, alat dan cara penyeksaan yang paling hina digunakan terhadap beliau.

Demikianlah nasib dakwah dan para pendakwah. Azab derita silih berganti. Namun manusia tirani juga tidak selamat dari himpitan sengsara. Ia sentiasa menanggung dosa dan rasa tidak tenteram. Sebaliknya roh para da'ei hidup tenteram dan bahagia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Apabila usaha dakwah Islam berhadapan dengan tekanan, tahanan dan tali gantung maka ia benar-benar menjadi suatu jihad yang berat; menuntut pengorbanan. Itulah masa bersungguh, bukan masa main-main. Ketika itu jelaslah siapa yang benar-benar mengerti apa ertinya dakwah, jerih parah berjihad dan pengorbanan kerana Allah, dan siapa pula yang hanya ingin berdakwah dengan senang lenang, tanpa usaha, tanpa pengorbanan yang sewajarnya. Seolah-olah mereka lupa firman Allah yang berbunyi:

أَمْ حَسِبْتُمْ أَن تَدْخُلُواْ الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَأْتِكُم مَّثَلُ الَّذِينَ خَلَوْاْ مِن قَبْلِكُم مَّسَّتْهُمُ الْبَأْسَاء وَالضَّرَّاء وَزُلْزِلُواْ حَتَّى يَقُولَ الرَّسُولُ وَالَّذِينَ آمَنُواْ مَعَهُ مَتَى نَصْرُ اللّهِ أَلا إِنَّ نَصْرَ اللّهِ قَرِيبٌ (214)

"Apakah kamu mengira kamu akan masuk syurga padahal kamu belum mengalami apa yang telah dialami oleh manusia sebelum kamu. Mereka telah menderita kesusahan dan keperitan hingga bergegar (keimanan) mereka. Sehingga Rasul dan orang-orang yang beriman yang bersamanya tertanya-tanya: "Bilakah gerangan datangnya perto]ongan Allah" (Insaflah) bahkan pertolongan Allah itu hampir jua."

(Surah Al-Baqarah: 214)

Allah berfirman lagi:

أَمْ حَسِبْتُمْ أَن تَدْخُلُواْ الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَعْلَمِ اللّهُ الَّذِينَ جَاهَدُواْ مِنكُمْ وَيَعْلَمَ الصَّابِرِينَ (142) وَلَقَدْ كُنتُمْ تَمَنَّوْنَ الْمَوْتَ مِن قَبْلِ أَن تَلْقَوْهُ فَقَدْ رَأَيْتُمُوهُ وَأَنتُمْ تَنظُرُونَ (143)

"Apakah kamu mengira kamu akan masuk syurga padahal Allah belum mengetahui siapakah dari kamu yang benjihad dan siapa pula yang sabar. (Pada hal) sebelum ini kamu pernah bertekad untuk benjuang (sebelum pertempuran). Kini setelah terluang kesempatan di hadapan, kamu masih teragak-agak."

(Surah Al-Imran: Ayat 142—143)

Setengah orang yang terlibat dalam bondongan dakwah atau memegang peranan dakwah; iaitu orang-orang yang menyalurkan prinsip dakwah kepada orang lain — tanpa penghayatan terhadap nilai dan prinsip tersebut mengira bahawa membangun ummah, meneruskan risalah dan memenangkan Islam boleh dicapai dengan mudah tanpa bersusah payah menanggung risikonya.

Mereka seolah-olah lupa kepada sabda Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam:

حفت الجنة بالمكاره وحفت النار بالشهوات

(Jalan) syurga dihampiri o]eh kesulitan kesusahan manaka]a (ja]an) Neraka dihampini oleh (tarikan) nafsu syahwat.

(Hadith riwayat Muslim, Ahmad dan Al-Tarmizi)

Mereka seolah-olah lupa Hadith Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam:

من خاف أدلج،

ومن ادلج بلغ المنزل،

ال ان سلعة الله غالية الا ان سلعة الله الجنة

Siapa yang bimbang bergegas pulang, siapa yang bergegas pulang akan sampai ke kediamannya. Sesungguhnya barangan Allah amat mahal. Barangan Allah ialah syurga.

(Hadith riwayat Al-Tarmizi dan Al-Hakim)

Sesiapa yang masih belum kenal lagi sifat perjuangan ini perlu meneliti dan mengulangkaji semula pendiriannya sebelum tiba waktu cubaan, atau berlaku sesuatu yang di luar dugaan. Allah berfirman:

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ آمَنَّا بِاللَّهِ فَإِذَا أُوذِيَ فِي اللَّهِ جَعَلَ فِتْنَةَ النَّاسِ كَعَذَابِ اللَّهِ وَلَئِن جَاء نَصْرٌ مِّن رَّبِّكَ لَيَقُولُنَّ إِنَّا كُنَّا مَعَكُمْ أَوَلَيْسَ اللَّهُ بِأَعْلَمَ بِمَا فِي صُدُورِ الْعَالَمِينَ (10) وَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا وَلَيَعْلَمَنَّ الْمُنَافِقِينَ (11)

"Di kalangan orang banyak ada yang mengaku kami beriman dengan Allah, tapi bila dicuba dalam perjuangannya kerana Allah ia lantas menyamakan gangguan manusia sama dengan siksa Allah. Kalau pula datang pertolongan Tuhanmu (wahai Muhammad) nescaya mereka berkata ini adalah kerana kami menyertai (perjuangan) kamu. Bukankah Allah yang lebih tahu apa yang tersirat di dada alam semesta. Allah akan mengetahui jua siapa yang beriman dan siapa pula yang munafiq."

(Surah Al-Ankabut: Ayat 10—11)

Sebenarnya yang menyertai bondongan perjuangan Islam di peringkat awal memang ramai, tapi yang konsisten, kekal meneruskan perjalanan ini adalah segelintir sahaja. (Marilah saudara saudari) Kita berdoa kepada Allah supaya memantapkan langkah kita dalam mengikuti landasan perjuangan ini sampai kita bertemu dengan Allah kelak di akhirat.

RINTANGAN KEEMPAT:
SYAITAN YANG MENYESATKAN

Halangan keempat yang dihadapi oleh para pendakwah yang bahaya dan pesonanya lebih hebat dan halangan sebelumnya, yang menjadi pangkal segala bencana dan penyelewengan ialah tipu daya syaitan, putar belit iblis dan karenah hawa nafsu.

Pendakwah akan tetap selamat meskipun halangan luaran, sosial, politik, ekonomi dan lain-lain yang dihadapinya amat besar, selama mana ia tidak menyerah kepada nafsu dan tunduk melutut kepada kehendak syaitan. Syaitan memang musuh Mukmin yang paling besar. Ia tidak jemu menipu, menimbulkan keraguan dan meransang ke arah kejahatan. Selagi ada hayat dikandung badan dan selama iman masih bertakhta di dada selama itu ia tetap merasuk.
Syaitan pernah bersumpah:

"Demi kemuliaanMu (Allah) akan Aku perdaya mereka (anak Adam) semuanya kecuali para hambaMu yang ikhlas di kalangan mereka. Allah menjawab. Yang hak dan yang benar Aku katakan: "Aku akan penuhkan neraka jahannam dengan (diri) mu dan sesiapa dan mereka yang menurutmu semuanya."

Kerana sumpah syaitan ini maka para pendakwah hendaklah lebih waspada terhadap syaitan dan musuh-musuh yang lain. Sebab syaitan musuh yang bukan kepalang bahayanya. Allah berfirman:

إِنَّ الشَّيْطَانَ لَكُمْ عَدُوٌّ فَاتَّخِذُوهُ عَدُوًّا إِنَّمَا يَدْعُو حِزْبَهُ لِيَكُونُوا مِنْ أَصْحَابِ السَّعِيرِ (6)

Sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu maka anggaplah ia benar-benar musuh. Sesungguhnya sekutu-sekutunya menyeru supaya mereka (dan kamu) menjadi penduduk neraka.

(Surah Fatir: Ayat 6)

Allah berfirman lagi:

أَلَمْ أَعْهَدْ إِلَيْكُمْ يَا بَنِي آدَمَ أَن لَّا تَعْبُدُوا الشَّيْطَانَ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ (60) وَأَنْ اعْبُدُونِي هَذَا صِرَاطٌ مُّسْتَقِيمٌ (61) وَلَقَدْ أَضَلَّ مِنكُمْ جِبِلًّا كَثِيرًا أَفَلَمْ تَكُونُوا تَعْقِلُونَ (62)

"Bukankah Aku telah memerintahkan kepadamu hai Anak Adam supaya kamu tidak menyembah syaitan?

Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi kamu. Dan hendaklah kamu menyembahKu. Inilah jalan yang lurus. Sesungguhnya syaitan itu telah menyesatkan sebahagian besar daripada kamu. Maka apakah kamu tidak memikirkan?"

(Surah Yasin: Ayat 60—62)

Celakanya syaitan ini ialah kalau ia gagal merasuk, memujuk dan menimbulkan was-was dari satu sudut maka ia datang merasuk pula dan sudut yang lain. Demikianlah kerjanya. Memang benar sabda Rasulullah:

ان الشيطان يجري من ابن آدم مجرى الدم من الجسد

Sesungguhnya syaitan itu meresap dalam diri anak Adam persis seperti mengalirnya darah dalam tubuhnya.

(Hadith Muttafaqun Alaihi)

Seorang lelaki bertanya kepada Hasan (Hasan Basri) "Wahai Abu Sa'id: Adakah syaitan itu tidur?" Sambil tersenyum beliau menjawab: "Kalau syaitan tidur nescaya kita semua boleh berehat."

Demikianlah jahatnya syaitan itu. Andainya huraian di atas masih kurang dan para pendawah ingin tahu lebih lagi tentang bencana syaitan maka dengarlah kisah yang pernah diriwayatkan oleh Rasulullah. Beliau pernah berkata:

(كان راهب في بني اسرائيل ، فعمد الشيطان إلى جارية فخنقها
وألقى في قلوب أهلها ان دواءها عند الراهب . فأتوا بها اليـــه
فأبى ان يقبلها ، فلم يزالوا به حتّى قبلها . فلما كانت عنده
ليعالجها أتاه الشيطان فزين له مقاربتها ولم يزل به حتّى واقعها
فحملت منه . فوسوس اليه وقال : الآن تفتضح . يأتيك اهلها ،
فاقتلها فان سألوك فقل ماتت . فقتلها ودفنها . فأتى الشيطان
اهلها فوسوس اليهم وألقى في قلوبهم انه احبلها ثم قتلهـــا
ودفنها . فأتاه اهلها فسألوه عنها فقال : ماتت ، فأخذوه بها ،

فأتاه الشيطان فقال : انا الذي خنقتها وأنا الذي القيت في قلوب اهلها ، فأطعني تنجح واخلصك منهم ، قال : بماذا ؟ قال : اسجد لي سجدتين . فسجد له سجدتين ، فقال له الشيطان ، اني بريء منك . فهو الذي قال تعالى فيه (كمثل الشيطان إذ قال للانسان اكفر فلما كفر قال إني بريء منك).

Ertinya:
Pada suatu masa ada seorang pendeta Bani Israil (amat kuat beribadah). Syaitan hendak merosakkannya lalu syaitan merasuk seorang anak gadis (di kampung itu). Syaitan mengilhamkan kepada keluarganya bahawa anak gadis ia hanya boleh disembuhkan oleh pendeta tersebut sahaja. Keluarga anak gadis tersebut pun membawanya ke rumah pendeta. Pada mulanya pendeta enggan membenarkan anak gadis itu tinggal di rumahnya untuk berubat. Tetapi setelah didesak oleh keluarga anak gadis tersebut, Ia pun bersetuju. Dalam tempoh berubat syaitan berjaya memujuknya supaya mendekati anak gadis yang sakit itu. Akhirnya dengan godaan syaitan ia sampai bersetubuh dengan gadis itu hingga hamil. Sejak itu syaitan pun menimbulkan rasa takut dalam diri pendeta itu. Ia berbisik: "Nanti bila datang keluarganya tentu rahsiamu akan diketahui. Baik engkau bunuh sahaja perempuan itu, dan kalau keluarganya datang katakan Ia sudah mati. " Ia pun lantas menurut hasutan syaitan. Ia segera membunuh anak gadis tersebut dan menanam mayatnya. Setelah itu syaitan pergi menimbulkan syak dan ragu kepada keluarga gadis. Ia membayangkan kepada mereka bahawa pendeta itu telah merogol, menghamilkan dan membunuh anak tersebut, kemudian menanam mayatnya. Apabila keluarganya datang mereka tidak percaya dengan cakap dan dalih pendeta. Mereka akhirnya membuktikan kesalahan jenayah yang telah dilakukan oleh pendita itu. Dalam pada itu syaitan menjelma dan menemui pendeta. Syaitan berkata: "Akulah yang telah merasuk anak gadis itu. Akulah yang membisikkan kepada keluarganya. Kalau engkau mahu selamat engkau ikutlah perintahku. Aku akan melepaskan engkau dan tindakan mereka ". Bagaimana? Kata pendeta itu. Jawab syaitan: "Engkau sujud kepadaku dua kali. "Pendeta itu pun sujud kepada syaitan. Apabila Ia sujud syaitan pun berkata: "Aku melepaskan diri dari kejahatan (kufur) yang telah engkau lakukan. (Aku tidak ada kena mengena dengan perbuatan syirikmu).

"Orang inilah yang dimaksudkan oleh Allah dalam firmanNya:

كَمَثَلِ الشَّيْطَانِ إِذْ قَالَ لِلْإِنسَانِ اكْفُرْ فَلَمَّا كَفَرَ قَالَ إِنِّي بَرِيءٌ مِّنكَ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ رَبَّ الْعَالَمِينَ (16)

"(Bujukan kaum munafiqun itu adalah seperti (bujukan) syaitan ketika dia berkata: "Kafirlah kamu justeru tatkala manusia itu telah kafir ia berkata: "Sesungguhnya aku berlepas diri dari kamu kerana sesungguhnya aku takut kepada Allah, Tuhan Semesta Alam."

(Surah Al-Hashr: Ayat 16)

Dan Mana Syaitan Menyelinap?

Jalan-jalan yang dilalui oleh syaitan dalam menyusupi hati manusia amat banyak. Di sini kita hanya menyentuh beberapa ruang penyusupannya seperti yang tertera dalam kitab Ihya' juz ketiga, oleh Imm Al-Ghazzali (Rahimahullah.

Marah

Kemarahan yang meluap-luap menutupi akal waras. Marah mendedahkan diri seseorang untuk menjadi sasaran serangan syaitan. Sebab itu akal waras perlu dilindungi, justru ia adalah benteng yang paling kukuh yang dapat menjadi pelindung dalam menghadapi hasutan syaitan dan tipu daya iblis. Rasulullah bersabda:

ان الله يحب البصر النافذ عند ورود الشبهات والعقل
الواعي عند حلول العقبات

"Sesungguhnya Allah sukakan pandangan yang tajam/ knitis dalam menghadapi syubahat, di samping akal yang cerdas/sedar dalam menghadapi halangan."

Seorang wali Allah bertanya kepada Iblis: *"Cuba engkau terangkan bagaimana engkau menawan anak Adam?" Iblis menjawab: "Aku tawan dia ketika ia marah dan ketika ia bernafsu."*
Sebab itulah Rasulullah berpesan supaya jangan dilayan nafsu marah. Rasulullah menegaskan(لاتغضب*) Jangan (dikuasai) marah."*

Nafsu syahwat

Ini merupakan pintu yang paling terdedah bagi syaitan menyelinap masuk dalam diri seorang iaitu syahwat yang berkait dengan pemuasan kehendak deria dan jasad. Seperti nafsu syahwat terhadap makanan, terhadap hubungan kelamin, nafsu syahwat untuk memiliki harta dan lain-lain. Menyedari hal ini amat serius, Islam telah mengatur cara-cara untuk memenuhi tuntutan-tuntutannya. Islam menerangkan tatacara dan tapal batasnya. Dengan

demikian tidak ada peluang syaitan mengganggu-gugat dan merosakkan kehidupan anak Adam dari pintu-pintu ini.

Berkait dengan kecenderungan terhadap makanan Rasulullah telah mengingatkan supaya jangan keterlaluan sehingga perut gendut dengan makanan. Beliau mengingatkan:
"Tidak ada bekas yang dipenuhkan oleh anak Adam yanglebih buruk dari perutnya sendiri."

Tentang syahwat dan keserakahan nafsu seks. Rasulullah mengingatkan:

اضمن لي ما بين لحييك وما بين فخذيك اضمن لك الجنة

"Jika anda dapat menjamin kepadaku dengan menjaga anggota antara misai dan janggutmu dan (anggota) antara dua pehamu maka aku jamin syurga untuk anda ".

Allah berfirman:

وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ (5)

Maksudnya:
"(Antara ciri orang yang beriman itu ialah yang menjaga kehormatan mereka."
(Surah Al-Mu'minun: Ayat 5)

Tentang kecenderungan nafsu terhadap harta, Allah mensifatkan ciri orang-orang Mukmin dalam kontek itu dengan firmannya:
Maksudnya:

لِلْفُقَرَاء الَّذِينَ أُحصِرُواْ فِي سَبِيلِ اللّهِ لاَ يَسْتَطِيعُونَ ضَرْبًا فِي الأَرْضِ يَحْسَبُهُمُ الْجَاهِلُ أَغْنِيَاء مِنَ التَّعَفُّفِ تَعْرِفُهُم بِسِيمَاهُمْ لاَ يَسْأَلُونَ النَّاسَ إِلْحَافًا وَمَا تُنفِقُواْ مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللّهَ بِهِ عَلِيمٌ (273)

(Berinfaklah) kepada orang-orang faqir yang tidak berdaya berjihad di jalan Allah; Mereka tidak dapat (berusaha) di bumi; orang yang tidak mengetahui menyangka mereka orang kaya kerana mereka memelihara diri dari meminta-minta. Kamu kenali mereka dengan melihat sifat-sifatnya, mereka tidak meminta kepada orang secara mendesak.
(Surah Al-Baqarah: Ayat 273)

Rasulullah menerangkan sifat mereka sebagai berikut:

ليس الغنى عن كثرة العرض ولكن الغنى غنى النفس

"Kaya bukan (semata-mata) banyak harta. Tetapi kaya yang sebenarnyalah kaya budi dan jiwa."

(Muttafaqun 'alaihi)

Tergesa-gesa

Sifat tergesa-gesa sering menyebabkan seseorang terjebak dalam kesusahan dan syubhah. Sifat ini dan sifat tidak cermat dan berhati-hati mendorong seseorang mengumpat saudaranya. Sifat ini malah dapat menolak Mukmin sehingga melakukan sesuatu yang diharamkan oleh Allah.

Sifat gegabah ini juga boleh menjadi pangkal tercetusnya fitnah dan tragedi dalam kehidupan jamaah dan pergerakan. Oleh itu Rasulullah mengingatkan tentang bahaya sifat ini. Beliau menerangkan:

العجلة من الشيطان والتأني من الله تعالى

"(Sifat) tergesa-gesa itu datangnya dari syaitan (manakala) cermat dan berhati-hati dari Allah Subhanahu Wata'ala."

Hasad dengki

Peluang dan senjata syaitan yang paling ampuh juga ialah perasaan hasad dengki. Sifat ini memudarkan kewarasan dan kebijaksanaan. Seseorang boleh berubah menjadi terkongkong oleh sifat hasad dengkinya. Ini nanti mendorongnya untuk melakukan apa sahaja, walaupun secara menyeleweng; untuk menjebak manusia yang ia dengki kepadanya. Hal ini telahpun kita huraikan agak panjang dalam huraian-huraian yang lepas; oleh itu tidaklah perlu kita ulangi di sini.

Kikir

Antara peluang syaitan untuk menguasai anak Adam ialah melalui sifat kikir dan takut papa. Kedua-dua sifat ini menghalang seseorang dan berkorban harta dan tenaga untuk perjuangan di jalan Allah. Ia menghalang seseorang menghulurkan bantuan kepada orang yang susah. Malah ia melemahkan rasa simpati dan kesan sifat perikemanusiaan yang ada dalam diri seseorang. Allah menerangkan:

الشَّيْطَانُ يَعِدُكُمُ الْفَقْرَ وَيَأْمُرُكُم بِالْفَحْشَاء وَاللّهُ يَعِدُكُم مَّغْفِرَةً مِّنْهُ وَفَضْلاً وَاللّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ (268)

"Syaitan menjanjikan (menakutkan) kamu dengan (risiko) kepapaan, sentiasa menyuruh kamu melakukan kebejatan. (Akan tetapi) Allah menjanjikan untuk kamu keampunan dan kurnia daripadanya, dan Allah Maha Luas (kurnianya) dan Maha Mengetahui."
(Surah Al Baqarah: Ayat 268)

Sufyan berkata: "Tidak ada senjata yang ada pada syaitan yang lebih mampan dan senjata takut papa. Kalau termakan dengan senjata itu maka seseorang itu mula menurut kebatilan, tercegah dari menyatakan kebenaran, mulalah ia bercakap menurut nafsu dan menyangka buruk terhadap Tuhannya."

Takabbur

Pintu susupan syaitan yang tidak kurang bahayanya ialah sifat takabbur dan ghurur. Sifat yang merupakan penyakit inilah yang telah menggugurkan darjat iblis. Dari langit ia tercampak ke bumi. "Ia berkata: Aku lebih baik daripadanya (Adam). Engkau jadikan aku dan api dan dia (Adam) engkau cipta dan tanah." Mengingat bahayanya sifat inilah agaknya Rasulullah sering berlindung diri dengan Allah dari runtunan sifat takabbur.

Buruk sangka terhadap Muslimin yang lain

Ini juga laluan syaitan yang mencantas tali mahabbah dan silaturrahim. Sifat ini menggugat keutuhan barisan jamaah, menjadi punca fitnah, kebejatan dan penyebab meratanya bala bencana. Sebab itu Al-Quran melarang sifat buruk sangka ini. Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ (12)

"Wahai orang-orang yang beriman hindarilah dari (sifat) banyak berprasangka. Kerana sebahagian dari sangka-sangka itu adalah dosa."
(Surah Al-Hujurat: Ayat 12)

Rasulullah menasihatkan "Jauhilah tempat-tempat yang menimbulkan sangkaan (yang bukan-bukan)."

Bagaimana menutup laluan syaitan?

Allah berfirman:

إِنَّ الَّذِينَ اتَّقَوْا إِذَا مَسَّهُمْ طَائِفٌ مِّنَ الشَّيْطَانِ تَذَكَّرُوا فَإِذَا هُم مُّبْصِرُونَ (201)

"Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa apabila digerogoti oleh syaitan (cepat) sedar dan mereka menjadi lebih waspada. (melihat tipu daya syaitan)."

(Surah Al-A'raf: Ayat 201)

Allah berfirman lagi:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهُ حَيَاةً طَيِّبَةً
وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (97)

Berlindnglah dengan Allah dan syaitan yang direjam.

(Surah Al-Nahl: Ayat 97)

Dari ayat ini jelaslah kepada kita bahawa bertaqwa kepada Allah, berlindung diri dengannya, selalu mengingat Allah, bermuraqabah dan sempurna ibadah adalah langkah-langkah yang paling penting untuk kebal menghadapi syaitan yang direjam. Rasulullah menjelaskan :

اذا ذكر الانسان الله خنس شيطانه واذا غفل وسوس

"Apabila seseorang mengingati Allah syaitannya lumpuh dan berundur. Tetapi apabila ia lalai syaitannya menggangguny'a dengan was-was."

Pernah diriwayatkan bahawa Muhammad bin Wasi' tiap pagi selepas sembahyang Subuh berdoa dengan doa berikut:

اللهم انك سلطت علينا عدواً بصيراً بعيوبنا ،
يرانا هو وقبيله من حيث لا نراهم .. اللهم فآيسه منا كما آيسته
من رحمتك ، وقنّطه منا كما قنطته من عفوك ، وباعد بيننا وبينه
كما باعدت بينه وبين رحمتك .
انك على كل شيء قدير .

"Ya Allah engkau telah mentaqdirkan kepada kami menghadapi musuh yang amat arif kelemahan kami. Ia dan sekutu-sekutunya melihat kami dan kami tidak dapat melihat mereka. Ya Allah engkau jadikanlah Ia putus asa untuk menggoda kami sepertimana Ia

berputus asa dari rahmatmu. Haramkan dia bagi kami sebagaimana engkau mengharamkannya dari mendapat keampunanmu. Jauhkanlah kami darinya sepertimana engkau jauhkan dia dari rahmatmu. Sesungguhnya engkau berkuasa melakukan apa sahaja."

Beliau mengatakan bahawa pada suatu hari sewaktu beliau hendak ke masjid muncul iblis di hadapannya. Iblis berkata "Wahai anak Wasi' engkau kenalkah kepadaku?" Beliau menjawab "Siapa engkau ni?" "Aku iblis" ujar iblis. "Engkau mahu apa?" tanya Muhammad. Jawab iblis, "Saya mahu supaya engkau jangan ajarkan sesiapa doa pendinding itu dan aku (berjanji) tidak akan mengganggumu." Muhammad bin Wasi' menjawab. "Demi Allah aku tidak akan halang sesiapa pun hendak mempelajarinya, buatlah apa yang engkau mahu."
Rasulullah pernah meriwayatkan:

وقال ﷺ (لقد اتاني الشيطان فنازعني ثم نازعني ، فأخذت بحلقه . فوالذي بعثني بالحق ما ارسلته حتى وجدت من دماء لسانه على يدي ، ولولا دعوة اخي سليمان عليه السلام لاصبح طريحاً في المسجد) اخرجه ابن ابي الدنيا وللبخاري رواية أخرى شبيهة وإسناده جيد ..

"Syaitan pernah datang menemui aku dan berkelahi denganku. Aku cekik tekaknya. Demi Allah yang mengutuskan dengan kebenaran tidak aku lepaskan dia kecuali setelah tanganku basah oleh lilihan darah lidahnya. Kalaulah tidak kerana mengenangkan doa sahabatku Sulaiman alaihissalam nescaya Ia tertiarap di masjid."

Orang-orang yang kerap mengingati Allah baik lelaki mahu pun perempuan, orang-orang yang bertaubat kepada Allah dosa mereka — baik lelaki mahupun perempuan yang memohon keampunan Allah, merekalah orang-orang yang sukar dikalahkan oleh syaitan dan mampu melelahkan syaitan tersebut.

Adapun orang-orang yang lalai dari mengingati Allah, terus menerus berbuat maksiat, malas beribadat, yang asyik tidur dan menjadikan dunia sebagai cita-cita utamanya, mereka ini seperti alat mainan syaitan sahaja, diperlakukan menurut sesuka hatinya.

Berkata Wahib bin Alwird, kami difahamkan bahawa pada suatu ketika iblis menjelma dan bertemu Yahya bin Zakaria alaihissalam. Ia berkata: "Saya

hendak menasihati awak." Yahya menjawab: "Aku tidak perlu nasihatmu! Tapi cukup engkau terangkan kepadaku tentang hal anak-anak Adam ini!" Iblis menjawab: "Pada kami mereka ada tiga golongan.

Golongan pertama, ialah yang paling payah untuk kami tawan. Apabila kami mula menggoda salah seorang dan mereka dan mereka termakan godaan kami tiba-tiba ia mohon ampun dan bertaubat. Maka habislah usaha kami. Bila kami ulangi diapun mengulangi taubat dan istighfar. Begitulah kami tidak berputus asa akan tetapi tidak juga sampai hajat kami terhadapnya.

Golongan kedua, pula mereka ini di tangan kami ibarat bola yang menjadi permainan anak-anak kamu. Kami perlakukan apa sahaja menurut kehendak kami. Mereka sudah beres menjadi tawanan kami.

Golongan ketiga, ialah orang-orang seperti kamu, terpelihara dari dosa. Kami tidak berdaya berbuat apa-apa terhadap mereka."

Dari riwayat ini jelas bahawa para da'ei Islam ialah orang-orang yang lebih kerap berhadapan dengan tipu daya dan perbuatan jahat syaitan dar yang dihadapi oleh orang lain.

Serangan iblis terhadap para da'ei kadangkala dalam bentuk sifat takabbur dan ghunun, merasa ujub dengan ilmu, dengan amalan agama, kesalihan dan sebagainya. Lantas dengan itu ia melihat dirinya sebagai orang yang lebih baik, lebih bijak berbicara dan makhluk Allah yang lain. Kalau sewaktu-waktu seorang da'ei itu berperasaan demikian maka ia hendaklah beristi'azah, berlindung diri dengan Allah dan serangan sikap ini.

Serangan iblis terhadap pendirian da'ei kadang-kadang berkait dengan habuan dan perhiasan duniawi.

Ia mula menganggap dirinya kurang bernasib baik. Ia cuai terhadap hak dan untung nasib keluarga. Ia merasakan pendapatannya kurang dari orang lain. Jadi apa salahnya ia memikirkan tentang diri dan berusaha meningkatkan pendapatannya. Demikianlah keadaannya terus menerus sehingga berubah hatinya asyik memikirkan dunia, cinta harta benda sehingga melupakan Tuhan. Akhirnya ia meninggalkan kewajiban dakwah dan medan jihadnya. Ia mula berpindah-randah dari satu tempat ke suatu tempat, dari satu negeri ke negeri yang lain untuk mendapat gaji yang lebih besar dan upah yang lebih lumayan.

Kadangkala serangan iblis terhadap diri pendakwah dalam bentuk takut dan bimbang yang berlebihan. Ia ditawan dengan penyakit Al Wahna. Rasalullah pernah ditanya: "Apakah wahna itu wahai Rasulullah?" Rasulullah

menjawab: "Cinta dunia dan benci mati." Kemudiah ia mula memandang bahawa ia tidak perlu bersusah payah; terpaksa lari mengongsi, atau ditahan dan dibunuh. Sebab ini bererti memporak-perandakan keluarganya. Apalah salahnya kalau ia mengurangkan sedikit kegiatannya. Demikianlah, sunsutan dan fikiran-fikiran ini bertindan datang dalam kepalanya sehingga akhirnya ia terpelanting jauh dari bondongan jihad dan angkatan yang memperjuangkan yang hak. Hal-hal seperti inilah agaknya yang diisyaratkan oleh Rasulullah dengan sabdanya:

(ان الشيطان قعد
لابن آدم بطرق .. فقعد له بطريق الاسلام ، فقال : اتسلم
وتترك دينك ودين آبائك ؟ فعصاه وأسلم .. ثم قعد له بطريق
الهجرة ، فقال : أتهاجر ، اتدع ارضك وسماءك ؟ فعصاه
وهاجر .. ثم قعد له بطريق الجهاد ، فقال : اتجاهد وهو تلف
النفس والمال ، فتقاتل فتقتل ، فتنكح نساؤك ويقسم مالك ؟
فعصاه وجاهد . فقال رسول الله ﷺ : (فمن فعل ذلك فمات
كان حقاً على الله ان يدخله الجنة) اخرجه النسائي .

"Syaitan duduk inenghalang anak Adam dalam tiga tempat. Ia duduk menghalanginya dari masuk Islam. Ia berkata: Adakah engkau mahu masuk lslam dan hendak meninggalkan agamamu dan agama datuk nenekmu? Tapi ia tidak peduli dan memeluk Islam. Kemudian syaitan duduk pula menghalangnya dari berhijrah dengan berkata: Adakah engkau hendak berhijrah, mana boleh, engkau hendak meninggalkan tanah-air dan langitmu? Tapi ia tidak hiraukan dan berhijrah. Kemudian syaitan duduk pula menghalanginya dari berjihad. Ia berdalih, "Adakah engkau mahu berjihad? (Adakah patut) Engkau hendak merosakkan diri dan harta sendiri. Kelak engkau bertarung dan terbunuh, isterimu dikahwini orang dan harta-hartamu dibahagi-bahagi? Tapi ini pun ia tidak peduli dan ia berjihad, Rasulullah menyambung kata "Maka barangsiapa yang (teguh pendirian) berbuat demikian maka wajiblah Allah masukkan dia dalam syurga."

(Ditakhrijkan oleh Nasa'i)

RINTANGAN KELIMA:
NAFSU YANG MERANSANGNYA

Halangan dan cabaran kelima yang dihadapi oleh para da'ei ialah ketegalan dan keliaran nafsu. Nafsu dengan segala karenahnya tidak mudah untuk diatasi oleh seorang da'ei. Tepat seperti yang tersebut dalam A1-Qur'an terhadap kata-kata Nabi Yusuf:

قَالَ مَا خَطْبُكُنَّ إِذْ رَاوَدتُّنَّ يُوسُفَ عَن نَّفْسِهِ قُلْنَ حَاشَ لِلَّهِ مَا عَلِمْنَا عَلَيْهِ مِن سُوءٍ قَالَتِ امْرَأَةُ الْعَزِيزِ الآنَ حَصْحَصَ الْحَقُّ أَنَاْ رَاوَدتُّهُ عَن نَّفْسِهِ وَإِنَّهُ لَمِنَ الصَّادِقِينَ (51)

"Aku tidak membebaskan diriku (dari beban dosa) kerana nafsu sering menyuruh yang buruk, kecuali orang yang dirahmati oleh Tuhanku. Sesungguhnya Tuhanku maha pengampun maha penyayang."

(Surah Yusuf: Ayat 51)

Sebenarnya nafsu seseorang itu adalah wadah tempat berinteraksi segala yang buruk dan jahat, halal dan haram, hak dan batil. Ia laksana bejana yang menerima apa sahaja. Baik hidayah mahu pun dalalah, baik yang luhur mahu pun yang onar. Sesuai dengan firman Allah:

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا (7) فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا (8) قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّاهَا (9) وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّاهَا (10)

Maksudnya:
"Demi jiwa serta penyempurnaannya (ciptaannya), justeru Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketaqwaannya, sesungguhnya beruntunglah orang yang menyucikan jiwa itu, dan sesungguhnya merugilah orang yang mengotorinya."
(Surah Al-Syams: Ayat 7—10)

Dalam kesibukan dan hangar bingar kehidupan, baik yang bersifat politik, kekeluargaan, gerakan dan keasyikan mencari sara hidup da'ei mungkin terlupa akan dirinya sendiri. Ia mungkin memberi perhatian kepada orang-orang di sekitar dirinya, mengajukan bimbingan dan kebaikan untuk mereka, namun ia mungkin lupa terhadap dirinya sendiri, tentang hak dirinya supaya ditingkatkan dalam segenap segi. Di sini akan berlakulah sesuatu yang tidak diduga dan merugikan. Jiwanya menjadi keras dan lembab. Akhirnya membatu dan menyeleweng. Suatu keadaan seperti yang disebutkan oleh Allah:

كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِم مَّا كَانُوا يَكْسِبُونَ (14) كَلَّا إِنَّهُمْ عَن رَّبِّهِمْ يَوْمَئِذٍ لَّمَحْجُوبُونَ (15)

"Bahkan hati mereka telah berkarat lantaran apa (dosa) yang mereka lakukan." "Bahkan mereka sebenarnya terdinding dari (melihat) Tuhan mereka kelak di hari akhirat."
(Surah Al-Mutaffifin: Ayat 14—15)

Dan firman:

يَا بَنِي إِسْرَائِيلَ اذْكُرُواْ نِعْمَتِيَ الَّتِي أَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ وَأَنِّي فَضَّلْتُكُمْ عَلَى الْعَالَمِينَ (47)

"Kemudian selepas itu hati kalian menjadi keras seperti batu atau malah lebih keras dari itu. Adapun batu-batu itu ada yang terbit darinya beberapa anak sungai, ada pula yang apabila terbelah lalu inemancutkan air. Ada pula yang mendap ke bawah lantaran takutkan Allah, dan tidaklah Allah lalai terhadap apa yang kamu lakukan."
(Surah Al-Baqarah: Ayat 47)

Nafsu memang sentiasa mengarahkan diri kepada keburukan. Kalau tidak dikekang dengan lingkaran taqwa dan agama, diperkukuh dengan tarhib dan targhib nescaya ia boleh menewaskan diri tuannya. Allah berfirman:

وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَى (40) فَإِنَّ الْجَنَّةَ هِيَ الْمَأْوَى (41)

"Adapun yang takut maqam tuhannya, mencegah diri menurut nafsu maka syurgalah tempat kembalinya."
(Surah Al-Nazi'at: Ayat 40—41)

Tepat seperti sabda Rasulullah:
"Musuh dirimu yang paling besar ialah nafsumu sendiri yang dicelah lambungmu."
(Al-Hadith)

Satu perkara yang perlu diingat oleh para da'ei, yang mana selalu dilupakan orang ialah bahawa sebagai da'ei tugas asasinya ialah memastikan dirinya menang dalam pertarungan ini. Ia mesti berbuat baik terhadap dirinya sendiri. Kalau tidak apalah ertinya orang lain menang dan dia sendiri kalah melutut di hadapan nafsunya.

Orang yang laba sebenarnya pada hari qiamat ialah orang yang dapat memenangkan dirinya (dalam pertarungan dengan nafsu), walaupun ia kehilangan dunia dan orang banyak. Yang benar-benar rugi ialah orang yang mensia-siakan dirinya; dikalahkan oleh nafsu, walaupun ia memperolehi dunia dan sanjungan orang banyak. Allah berfirman:

وَتَرَاهُمْ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا خَاشِعِينَ مِنَ الذُّلِّ يَنظُرُونَ مِن طَرْفٍ خَفِيٍّ وَقَالَ الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ الْخَاسِرِينَ الَّذِينَ خَسِرُوا أَنفُسَهُمْ وَأَهْلِيهِمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَلَا إِنَّ الظَّالِمِينَ فِي عَذَابٍ مُّقِيمٍ (45)

"Orang-orang yang beriman berkata bahawa orang yang merugi ialah yang merugikan diri dan keluarga mereka sendiri pada hari qiamat kelak. Bahkan orang-orang yang zalim akan kekal dalam siksa yang berterusan."

(Surah Al-Syura: Ayat 45)

Pertanda awal kerugian diri ialah mengabaikan peningkatan dan latihan diri supaya menurut kehendak syarak. Cuai dalam menepati prinsip-prinsip dalam bentuk amalan, perkataan dan perbuatan. A1-Qur'an menyelar perbuatan ini dengan firmanNya:

أَتَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالْبِرِّ وَتَنسَوْنَ أَنفُسَكُمْ وَأَنتُمْ تَتْلُونَ الْكِتَابَ أَفَلاَ تَعْقِلُونَ (44)

"Adakah kamu menyuruh orang lain melakukan kebaikan sedangkan kamu melupakan diri kamu sendiri. Pada hal kamu membaca Al-Kitab. Apa tidakkah kamu berakal?"

(Surah Al Baqarah: Ayat 44)

FirmanNya lagi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ (2) كَبُرَ مَقْتًا عِندَ اللَّهِ أَن تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ (3)

"Hai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu katakan apa yang tidak kamu lakukan. Amat besar kemurkaan Allah kamu mengatakan apa yang tidak kamu lakukan."

(Surah Al-Saff: Ayat 2)

Da'ei dituntut supaya memperhitung (kesalahan) dirinya lebih dahulu sebelum memperhitungkan kesalahan orang lain. Ia dituntut supaya mendidik dirinya lebih dahulu sebelum mendidik orang lain. Ia patut berlaku ihsan terhadap dirinya sebelum berlaku ihsan kepada orang lain. Inilah intisari pesanan Ali Ibnu Abi Talib, Karrama'llahu Wajhah apabila ia berpesan:

"Sesiapa yang menjadikan dirinya pemimpin orang lain maka hendaklah ia mulai dengan mengajar dirinya sendiri sebelum mengajar orang lain. Asuhannya terhadap orang lain biarlah dengan perilaku sebelum dengan tutur kata. Orang yang mengajar dan mengasuh diri sendiri lebih berhak dimuliakan/dihargai dan orang yang mengajar dan mengasuh orang lain."

Rasulullah pernah menceritakan nasib manusia yang mengatakan apa yang tidak dikotakan. Yang menyuruh orang berbuat baik tetapi melupakan diri sendiri. Yang menjadikan diri sebagai pembimbing sedangkan diri sendiri tidak terbimbing. Yang menyuruh orang lain beristiqamah sedangkan dirinya sendiri menyeleweng. Rasulullah mengatakan:

"Pada hari Qiamat kelak dicampakkan orang berkenaan dalam api neraka lalu terburai tali perutnya. Ia berputar-putar di dalamnya persis seperti keldai mengelilingi kincir pengisar gandum. Penduduk neraka berkerumun melihatnya. Mereka berkata: si pulan (rupanya). Bukankah engkau dahulu menyuruh yang makruf dan mencegah yang munkar? Benar jawabnya. Tapi aku menyuruh yang baik sedangkan aku sendiri tidak melakukannya. Aku larang yang munkar tapi aku sendiri inelakukannya."

Inilah juga yang diisyaratkan oleh Rasulullah dengan sabda beliau:

تعلموا ما شئتم ان تعلموا ، فلن يأجركم الله حتى تعملوا

"Pelajarilah apa sahaja yang kamu boleh belajar. Akan tetapi Allah tidak akan memberi ganjaran sehinggalah kamu amalkan (apa yang kamu pelajari)."

Kedudukan hati dalam diri

Tiap da'ei hendaklah insaf bahawa pengisian hatinya hendaklah lebih diutamakan dari segala-galanya. Kalau jasad dan akalnya diberi habuan dan ubatan untuk berfungsi dengan sempuma maka demikianlah juga hati. Ia patut meningkatkan dan menjaga hatinya. Dengan hati inilah ia menjadi da'ei, Ia menjadi mukmin yang sebenar. Dengan hati ini juga ia boleh menjadi **rabbani**

Kalau da'ei tidak abid dan tidak bersifat **rabbani** maka tidak ada ertinya sama sekali, walau bagaimanapun ilmu dan pencapaian ilmiahnya sebab ilmu

dan pengetahuannya (ternyata) tidak dibangunkan atas dasar taqwa kepada Allah dan mencari kerelaannya.

Dalam konteks menjelaskan betapa tingginya kedudukan hati, Rasulullah mensifatkannya sebagai berikut:

الانسان عيناه هاد ، واذناه قمع ، ولسانه ترجمان ، ويداه جناحان ، ورجلاه بريد ، والقلب منه ملك . فاذا طاب الملك طابت جنوده

"Manusia itu dua matanya (ibarat) penunjuk, dua telinganya sebagai pemberi isyarat awas, lisannya sebagai penterjemah, dua tangannya sebagai sayap, dua kakinya ialah posmen, hatinya pula sebagai raja. Kalau rajanya baik maka baiklah bala tenteranya."

Tanda hati masih hidup

Tiap da'ei wajib memerhati, mengambil berat, dan mengawas perkembangan hatinya. Dengan demikian ia dapat meneliti keras lembutnya, darjah kepekaannya. Ia dapat memastikan apakah hatinya masih hidup atau sudah mati.

Antara tanda-tanda yang menunjukkan hati masih hidup ialah ia masih boleh tergetar dan teralun oleh zikrullah, bacaan Al-Qur'an dan berbagai jenis ibadah. Selaras dengan firman Allah:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَى رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ (2)

Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah mereka yang apabila disebut "ALLAH", gementarlah hati mereka, dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, bertambahlah Imannya dan kepada Tuhanlah mereka bertawakkal.

(Surah Al-Anfal: Ayat 2)

Juga firmanNya:

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنسَكًا لِيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَى مَا رَزَقَهُم مِّن بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ فَإِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَاحِدٌ فَلَهُ أَسْلِمُوا وَبَشِّرِ الْمُخْبِتِينَ (34) الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ

وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَالصَّابِرِينَ عَلَى مَا أَصَابَهُمْ وَالْمُقِيمِي الصَّلَاةِ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ (35)

Dan berikanlah khabar gembira kepada mereka yang tunduk patuh (kepada Allah). (yaitu) mereka yang apabila disebut nama "ALLAH", gementarlah hati mereka, mereka yang sabar terhadap apa yang menimpanya, yang mendirikan solat dan menafkahkan sebahagian daripada apa yang kami rezekikan kepada mereka.

(Surah Al-Haj: Ayat 34—35)

Antara tanda-tanda yang menunjukkan hati masih hidup ialah kuatnya seseorang itu berpegang kepada agama. Keberaniannya menyatakan yang hak. Tidak takut kecuali kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Tepat seperti yang dibayangkan oleh Rasulullah:

"Sesungguhnya di bumi Allah ini terdapat bejana-bejana; iaitu hati-hati (hambanya). Yang paling disayanginya ialah yang paling lembut, paling jernih, paling teguh. Kemudian Rasulullah menjelaskan lagi. Yang paling teguh berpegang kepada agama, paling jernih dalam keyakinannya dan yang paling lembut terhadap sahabat."

Antara penunjuk yang menandakan hati masih hidup ialah takutnya seseorang itu terhadap Allah dan kemurkaanNya. Ia menjauhkan diri dan segala yang diharamkan oleh Allah dan mengelak dari penderhakaan. Selaras dengan firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ اتَّقَواْ إِذَا مَسَّهُمْ طَائِفٌ مِّنَ الشَّيْطَانِ تَذَكَّرُواْ فَإِذَا هُم مُّبْصِرُونَ (201)

Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa ketika mereka ditimpa was-was dari Syaitan, mereka segera mengingati "ALLAH" dan ketika itu juga mereka sedan kesalahan-kesalahannya.

(Surah Al-A'raf: Ayat 201)

Pendakwah dan kepentingan memelihara hati

Antara tanda-tanda hati masih sihat ialah bersih dari keinginan menipu, dengki dan permusuhan. Dalam hadith Rasulullah ada diriwayatkan bahawa Rasulullah pernah ditanya:

"Siapakah orang yang paling baik Ya Rasulullah? Jawab Rasulullah: "Tiap Mukmin yang makhmumu'L Qalbi." Beliau ditanya: "Apakah yang dimaksudkan dengan makhmumu'L Qalbi?" Beliau menjawab: "laitu orang

yang amat bertaqwa, tidak menipu, zalim, khianat, mengambil yang bukan hak dan tidak menaruh hasad dan dengki."

Antara yang membuktikan hati masih selamat ialah sifat tenang dalam menghadapi sebarang keadaan. Sifat lapang dada dan jauh pandangan. Rasulullah pernah menafsirkan maksud ayat:

(Al-Zumar) dengan lapang dada, sebagai suatu kurnia Allah. Nur Ilahi kalau menerangi hati seseorang maka dadanya menjadi lapang dan banyak sabar. Inilah juga yang dimaksudkan oleh firman Allah:

الَّذِينَ آمَنُواْ وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُم بِذِكْرِ اللّهِ أَلاَ بِذِكْرِ اللّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ (28)

"Hanya dengan mengingati Allah sahaja hati-hati men jadi tenang tenteram.

(Surah Al-Ra'du: Ayat 28)

Dari penjelasan di atas nyatalah bahawa para pendakwah hendaklah mengambil berat tentang pemeliharaan hatinya. Hatinya hendaklah sentiasa dijamu dengan santapan dan bekal rohani sehingga menjadi rabbani, jernih dan cerah, senantiasa takut kepada Allah dan senantiasa dalam ketenangan.

Manusia unggul yang kita teladani; Muhammad SallAllahu 'alaihi Wasallam telah mengajar kita cara memelihara hati supaya senantiasa subur dan bersih. Dalam kesempatan ini kita akan huraikan beberapa contoh ajaran dan sunnahnya untuk menjadi pedoman kepada sesiapa yang hendak menurut menjejak langkah orang-orang yang tinggi martabat rohaniyyah mereka dan ingin mencapai darjat Rabbaniyyin.

1. Zikru'llah ذكر الله

Seorang pendakwah tentunya tidak sukar untuk memberikan perhatian berat kepada amalan zikir dan mengingati Allah; dalam tiap kesempatan dan tindakannya. Rasul sudahpun mewariskan kepada kita beberapa amalan zikir yang boleh dibaca dalam sehari semalam. Doa-doa ma'thurat itu kalau dihafal dan diamalkan selalu, menurut kaifiyyat dan masanya nescaya ia boleh tergolong dalam gulungan Ulu'l Albab. Sesuai dengan firman Allah:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ وَاخْتِلاَفِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لآيَاتٍ لِّأُوْلِي الأَلْبَابِ (190) الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللّهَ قِيَامًا وَقُعُودًا وَعَلَىَ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ

فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذا بَاطِلاً سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ (191)

Maksudnya:
Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal, [UIu'I-Albab], (yaitu) mereka yang mengingati ALLAH sambil berdiri dan duduk dan dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): "Ya Rabbana! (Tuhan kami!), tiadalah Engkau menciptakan semua ini dengan sia-sia. Maha Suci Engkau, lantaran itu peliharalah kami dari azab nerakaMu".

(Surah Ali-Imran: Ayat 190—191)

Dengan mengingati Allah hati akan hidup segar dan jernih. Segala karat di hati akan hilang dan hati menjadi peka. Tepat seperti yang dijelaskan oleh Rasulullah:

ان لكل شيء
صقالة .. وصقالة القلوب ذكر الله . وما من شيء انجى من
عذاب الله من ذكر الله . قالوا : ولا الجهاد في سبيل الله ؟ قال :
ولو ان يضرب بسيفه حتى ينقطع

"Tiap sesuatu itu ada penggilapnya. Penggilap hati ialah zikru'llah. Tidak ada (perbuatan) yang lebih menyelamatkan seseorang dari azab Allah lain dan zikru 'llah. Sahabat bertanya: "Jihad fisabilillah pun tidak boleh (menandinginya)." Jawab Rasulullah: "Walaupun ia terus mencantas musuh dengan pedang sampai patah."

(Hadith riwayat Baihaqi)

Al Harits Al Asy'ary radiyAllahu 'anhu meriwayatkan bahawa Rasulu'llah bersabda:

ان الله اوحى إلى يحيى بن زكريا بخمس كلمات ، ان
يعمل بهن ، وان يأمر بني اسرائيل ان يعملوا بهن . منها قوله :
وآمركم بذكر الله كثيراً . ومثل ذلك كمثل رجل طلبه العدو
سراعاً في أثره ، حتى اتى حصناً حصيناً فتحصن فيه . وكذلك
العبد لا ينجو من الشيطان الا بذكر الله

"Allah memerintahkan melalui wahyu kepada Nabi Yahya Ibnu Zakaria lima perkara, supaya diamalkan. Allah memerintahkan Bani Israil melaksanakannya juga. Antara perintahNya itu ialah: "Dan aku memerintahkan kamu supaya banyak mengingati Allah". "Hal ini kiasannya samalah seperti halnya orang yang dikejar musuh. Ia (lari), dan menemui benteng perlindungan yang kukuh. Demikianlah seseorang (hamba Allah) tidak akan selamat dari syaitan melainkan dengan mengingati Allah (Zikru 'llah)."

(Hadith Riwayat Al-Tarmizi)

Abi Sa'id Al Khudri radiyAllahu'anhu meriwayatkan bahawa Nabi SallAllahu alaihi Wasallam bersabda. Kata Nabi Musa 'alaihissalam:

قال موسى عليه السلام : يا رب علمني شيئاً اذكرك
به ، وادعوك به .. قال : قل لا إله إلا الله .. قال : يا رب كل
عبادك يقول هذا ؟ قال : قل لا إله إلا الله .. قال : انما اريد
شيئاً تخصني به ؟ قال : يا موسى ، لو ان السموات السبع
والاراضين السبع في كفة ولا إله إلا الله
في كفة مالت بهم لا إله إلا الله

"Hai Tuhanku, ajarkanlah kepadaku sesuatu yang dapat aku berzikir dan menyeruMu dengannya. Jawab Allah: Katakanlah "La ilaha illAllah. Musa bertanya: Hai tuhan semua hamba mu berkata demikian. Ujar Tuhan: Katakanlah "La ilaha illAllah: Musa berkata. Yang saya minta ialah suatu yang khusus bagiku (seorang) sahaja. Allah berfirman: Wahai Musa andainya tujuh petala langit dan tujuh petala bumi di sebelah timbangan dan La ilaha illAllah di sebelah timbangan lagi, nescaya sebelah timbangan Lailaha illAllah akan mengatasi berat sebelah yang lain."

(Diriwayatkan oleh Nasa'i, Ibnu Majah Dan Al-Hakim)

Abi Hurairah radiyAllahu'anhu meriwayatkan bahawa Rasulu'llah telah bersabda:

جددوا ايمانكم . قيل ، يا رسول الله وكيف نجدد ايماننا ؟ قال
اكثروا من قول لا إله إلا الله

"Baharukanlah iman kalian. Rasulullah ditanya: Bagaimana kami mahu memperbaharui iman kami. Beliau menjawab: Banyakkanlah menyebut; Lailaha illAllah."

(Riwayat Ahmad dan lain-lain)

Al Tarmizi meriwayatkan dan 'Abdullah 'Amru radiyAllahu'anhu bahawa Nabi SallAllahu 'alaihi Wasallam bersabda:

التسبيح نصف الميزان ، والحمد لله تملؤه ،
ولا إله إلا الله ليس لها من دون الله حجاب حتى تخلص اليه

"Tasbih memenuhi separuh timbangan (Mizan). Alhamdulillah memenuhi seluruh timbangan manakala Lailaha illAllah tidak ada pendinding antaranya dengan Allah sehingga ia terus menuju Allah."

Rasul mengatakan lagi:

احب الكلام إلى الله أربع : سبحان الله ، والحمد لله ،
ولا إله إلا الله ، والله أكبر . ولا يضرك بأيهن بدأت

"Empat ucapan yang paling disukai oleh Allah: SubhanAllah, Walhamdulillah, La ilaha illAllah dan Allahu Akbar. Tidak salah anda memulakan menyebut mana-mana sahaja dari (sebutan) itu."

(Riwayat Muslim Ibnu Majah dan Nasai)

2. Muraqabatullah مراقبة الله

Pendakwah patut kerap bermuraqabah dengan Allah dalam segala tindak tanduk, urusan, perkataan, amalan, perasaan dan runtunan emosinya. Kesungguhan bermuraqabah dengan Allah boleh menyelamatkan pendakwah dari tergelincir dan menyeleweng. Hatinya senantiasa peka dan menurut kemahuan Allah dan bukan kehendak hati sendiri.

Pendakwah harus tahu bahawa urusan hidup ini terbahagi kepada tiga jenis:

i. Suatu yang jelas baik dan wajar, maka hendaklah dituruti.
2. Yang jelas buruk dan merugikan maka hendaklah dihindari.
3. Suatu yang kabur, maka hendaklah ditanyakan tentang itu kepada orang yang tahu.

Muraqabah dengan Allah akan lebih teguh dan berkesan dengan bertambahnya pendekatan diri kepada Allah dan perasaan bahawa Allah hampir dengan dirinya. Allah berfirman:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنسَانَ وَنَعْلَمُ مَا تُوَسْوِسُ بِهِ نَفْسُهُ وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ الْوَرِيدِ (16)

"Dan sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dan mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, dan kami lebih dekat kepadanya danipada urat lehernya."
(Surah Qaf: Ayat 16)

Firman Allah:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَا يَكُونُ مِن نَّجْوَى ثَلَاثَةٍ إِلَّا هُوَ رَابِعُهُمْ وَلَا خَمْسَةٍ إِلَّا هُوَ سَادِسُهُمْ وَلَا أَدْنَى مِن ذَلِكَ وَلَا أَكْثَرَ إِلَّا هُوَ مَعَهُمْ أَيْنَ مَا كَانُوا ثُمَّ يُنَبِّئُهُم بِمَا عَمِلُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ (7)

Maksudnya:
"Tiada pembicaraan rahsia antara tiga orang, melainkan dialah yang keempatnya. Dan tiada (pembicaraan antara) lima orang melainkan dialah yang keenamnya. Dan tiada pula pembicaraan antara (jumlah) yang kurang dan itu atau lebih banyak melainkan dia ada bersama mereka di mana pun mereka berada. Kemudian dia akan memberitakan kepada mereka pada hari kiamat apa yang telah mereka kerjakan. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui Segala Sesuatu."

(Surah Al-Mujadilah: Ayat 7)

Firman Allah lagi:

أَمْ يَحْسَبُونَ أَنَّا لَا نَسْمَعُ سِرَّهُمْ وَنَجْوَاهُم بَلَى وَرُسُلُنَا لَدَيْهِمْ يَكْتُبُونَ (80)

"Apakah mereka mengira, bahawa Kami tidak mendengar rahsia dan bisik-bisikan mereka? Sebenarnya (Kami mendengar), dan utusan-utusan (malaikat-malaikat) Kami selalu mencatat di sisi mereka."

(Surah Al-Zukhruf: Ayat 80)

Abdullah bin Dinar menceritakan: bahawa pada suatu hari saya keluar bersama Umar Ibnu Khattab radiyAllahu'anhu menuju Mekah. Di tengah jalan kami berhenti rehat. Kemudian turun ke arah kami pengembala kambing dengan kambing gembalaannya. Beliau berkata: "Hai pengembala, jualkanlah kepadaku seekor dari kambing-kambing ini." Pengembala itu lantas menjawab; katanya: "Saya ini hanyalah seorang hamba (khadam)". 'Umar berkata: "Katakanlah kepada tuan kamu bahawa dia telah dibaham serigala." Pengembala itu lantas meningkah dan berkata: "Di manakah Allah?" (Mendengar jawapan itu) Umar pun menangis. Kemudian beliau membeli pengembala tersebut dari tuannya dan memerdekakannya: Umar berkata kepadanya "Ucapanmu itu telah membebaskan engkau (dari perhambaan). Aku berharap Ia dapat pula membebaskan engkau di akhirat kelak."

Pada suatu ketika seorang lelaki datang meminta nasihat daripada Rasulullaah. Maka Rasulullah pun berkata: "Apabila engkau hendak melakukan sesuatu maka kajilah akibatnya. Kalau sekiranya elok maka teruskan. Kalau sekiranya buruk maka hentikanlah."

Dalam kontek muraqabah pernah diriwayatkan bahawa ada seorang tuan guru yang mempunyai ramai anak murid. Dalam kalangan anak muridnya ada seorang yang lebih muda dari yang lain-lain. Ia amat dimuliakan oleh tuan guru tersebut. Murid-murid yang lebih tua tidak puas hati dan berkata kepada tuan guru tersebut: "Bagaimana tuan boleh memuliakan dia lebih dan kami, sedangkan kami lebih tua daripadanya?" Esoknya tuan guru itu memberikan muridnya seekor burung tiap-tiap seorang. Masing-masing diberikan juga sebilah pisau, termasuklah muridnya yang muda itu. Tuan guru tersebut memerintahkan supaya masing-masing menyembelih burung tersebut di tempat yang tidak dilihat oleh sesiapa. Mereka pun beredar dan balik membawa burung sembelihan masing-masing. Tetapi murid yang muda ini pulang membawa burung yang masih hidup di tangannya. Tuan guru tersebut pun bertanya: Mengapa engkau tidak menyembelihnya pada hal rakan-rakanmu semuanya telahpun menyembelih? Murid muda itu menjawab: "Saya tidak menemui tempat; di mana saya tidak dilihat oleh sesiapa. Sebab Allah ada di mana-mana." Dengan jawapannya itu rakan-rakannya pun menghargai sifat muraqabahnya kepada Allah. Akhirnya mereka mengaku dan berkata kepada guru mereka: "Memang layak tuan muliakan dia dari kami."

(dipetik dan kitab Nuzhatu'n Nazirin)

Diceritakan pula bahawa semasa Tawus Al-Yamani, (rahimahullah) di Makkah ada seorang wanita amat terpikat dengannya. Wanita tersebut sering menggodanya hingga pada suatu hari ia menurut Tawus sampai ke Masjidil Haram. Ketika itu orang sedang ramai di dalamnya. Tawus pun menoleh kepada wanita itu dan berkata: "Ayuhlah, sempurnakan hajat saudari." Wanita tersebut pun menjawab: "Di tempat inikah?"... "Bukankah orang ramai melihat?" Tawus menjawab: "Malu dilihat oleh Allah kan lebih patut dan wajar!" Dengan kata-kata tersebut perempuan itu pun insaf dan bertaubat. Akhirnya ia menjadi orang baik. (Nuzhatu'n Nazirin).

Diceritakan lagi bahawa seorang lelaki menemui Ibrahim Bin Adham. Ia berkata kepada Ibrahim: "Hai bapa Ishaq (Ibrahim) . Saya ini sudah menzalimi diri sendiri, maka terangkanlah kepadaku sesuatu yang dapat menginsafkan diri ku dan menyelamatkan hati ku." Ibrahim Adham menjawab: "Jika engkau dapat menerima dan boleh melakukan lima perkara (yang aku akan katakan) neacaya apa sahaja kesedapan yang engkau kecapi tidak akan memudharatkan dirimu. Lelaki tersebut pun berkata:

Apa dia? Cubalah engkau beritahu wahai bapa Ishaq. Ibrahim menerangkan: "Pertama: Apabila engkau hendak menderhaka kepada Allah 'Azza Wajalla maka janganlah engkau makan rezekinya! Lelaki itu meningkah dan berkata: "Dan sumber mana lagi aku hendak makan; sedangkan segala yang ada di dunia ini ialah rezki kurniaNya." Ibrahim Adham mencelah: "Wahai pulan, adakah patut dan wajar engkau makan rezeki kurniaanNya, kemudian engkau menderhaka kepadaNya! "Tentu tidàk," jawabnya.

"Baiklah yang kedua?" Ibrahim menerangkan lagi: "Bila engkau hendak menderhaka kepada Allah maka janganlah engkau menginap di mana-mana pun di atas duniaNya. Lelaki itu pun berkata: "Ini lebih hebat lagi dari yang pertama". Kalau Timur, Barat dan antara kedua semuanya adalah kepunyaan Allah maka di mana pula aku akan tinggal?" Ibrahim mencelah: "Hai pulan, adakah patut engkau makan rezeki Allah, tinggal di bumiNya kemudian engkau derhaka kepadaNya?" "Tidak," jawabnya.

"Baiklah yang ketiga apa?" Ibrahim menerangkan lagi: "Kalau engkau mahu juga menderhaka sedangkan engkau makan rezeki Allah dan tinggal di bumiNya maka carilah tempat yang kira-kira dia tidak nampak engkau mencabar perintahNya. Kalau sudah engkau temui, nah engkau lakukanlah maksiat tersebut." Lelaki itu pun berkata: "Hai Ibrahim! Bagaimana aku dapat berbuat demikian sedangkan Allah Maha Mengetahui, malah ia tahu apa yang tersembunyi sekalipun?!" Ibrahim menjawab: "Hai pulan adakah patut engkau makan rezekiNya, tinggal di bumiNya, menderhaka kepadaNya, walhal Ia

mengetahui hakikatmu dan melihat apa yang engkau lakukan secara terang-terang?" "Tidak" jawabnya,

"Yang keempat apa dia?" tanya lelaki itu lagi. Jawab Ibrahim. "Apabila tiba malaikat maut hendak mencabut nyawamu maka katakanlah kepadanya: "Berikanlah aku tempoh untuk bertaubat Nasuhah dan untuk beramal saleh kerana Allah.' "Takkanlah dia mahu menurut permintaanku," jawab lelaki itu. "Hai pulan" kata Ibrahim: "Apakah dalam keadaan engkau tidak berdaya menolak maut; untuk mendapat tempoh bertaubat, dan engkau faham betul bahawa kalau maut datang engkau tidak akan diberi tempoh maka dalam keadaan begitu engkau masih mengharapkan engkau boleh selamat (dengan maksiat mu)?"

Lelaki itu bertanya lagi: "Yang kelima?" Ibrahim menerangkan: "Apabila datang Malaikat Zabaniah pada hari kiamat hendak membawamu masuk neraka maka jangan lah engkau mahu pergi bersamanya!" "Sudah tentu mereka tidak akan biarkan aku, atau menerima permintaan ku," sampuk lelaki itu. Kata Ibrahim: "Kalau begitu bagaimana engkau harap engkau boleh selamat?" Lelaki itu pun berkata. "Wahai Ibrahim cukuplah, cukuplah!" Saya minta ampun kepada Allah dan saya bertaubat kepadaNya. Lelaki tersebutpun akhirnya ikut beribadah bersama Ibrahim Adham hinggalah mereka dipisahkan oleh ajal masing-masing.

(Dari kitab Tawwabin)

3. Berjihad melawan nafsu مجاهدة النفس

Yahya bin Mu'az berpesan: *"Berjihadlah melawan nafsu dengan riadah (latihan rohani)."* Latihan riadah ini ada empat macam:
1. Sedikit makan.
2. Sedikit tidur.
3. Bercakap sekadar perlu.
4. Sabar menanggung gangguan orang lain.
— Dengan kurang makan matilah keserakahan syahwat.
— Dengan kurang tidur kemahuan menjadi bersih jernih.
— Apabila kurang bercakap badan selamat.
— Dan dengan bersabar menanggung gangguan memungkinkan sampai kepada matlamat yang dituju."

Para da'ei wajib sentiasa berjihad melawan nafsu sendiri. Ia harus menguasai dirinya supaya tidak berlebihan dalam makan, minum, pakaian, dalam bercakap dan memuaskan kehendak nafsu. Tepat seperti yang dianjurkan oleh Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam:

المخاهد من خا هد نفسه في طاعة الله عزوجل

"Orang yang mujahid itu ialah orang yang berjihad melawan nafsu dan menundukkannya supaya patuh kepada Allah Subhanahu Wata'ala."

(Ditakhrijkan oleh Al-Tarmizi)

Pada suatu ketika bila ditanya dengan soalan: "Bagaimana menyempurnakan warak ?" Ibrahim bin Adham menjawab: "Iaitu dengan menganggap makhluk yang lain setaraf dengan diri sendiri. Sibuk dengan dosa sendiri dan asyik memikirkan dosa orang lain. Anda hendaklah memikirkan dosa anda sendiri, menyegerakan taubat kepadaNya di samping menghapuskan rasa tamak kecuali untuk mendapat kerelaan Allah."

Berhubung dengan jihad melawan perut dengan berlapar
Rasulullah bersabda:

لا تميتوا القلوب بكثرة الطعام واشراب , فان القلب كالزرع يموت اذا كثز عليه الماء

"Jangan kamu tumpaskan (kepekaan) hati dengan banyak makan dan minum. Sebab hati itu laksana tanaman. Ia boleh mati kalau digenangi air (secara) berlebihan."

Beliau mengatakan lagi:

ان اهل الجوع في الدنيا هم اهل الشبع
في الآخرة .. وان ابغض الناس إلى الله
المتخمون الملأى . وما
ترك عبد أكلة يشتهيها الا كانت
له درجة في الجنة

"orang yang kerap berlapar (puasa) dan menahan nafsu di dunia merekalah orang yan paling kenyang di akhirat. Manakala orang yang paling dibenci oleh Allah ialah orang yang penuh sesak perutnya dengan makanan (hingga menjadi gendut). Tiap hamba (Allah)meninggalkan makanan yang amat diidaminya maka tiap itulah Allah menaikkan darjatnye di syurga satu darjat. "

(Riwayat Tabrani)

Kenyang yang berlebihan membawa banyak padah dan akibat. Antaranya ialah penyakit jiwa dan badan sekaligus. Umpamanya hati menjadi bengis dan keras (kurang timbang rasa), akal menjadi malap, banyak mengantuk dan suka tidur, syahwat berkobar, perangai bongkak dan malas beribadah. Sebab itu Rasulullah menggariskan kaedah pemakanannya yang terkenal:

ثلث للطعام .. وثلث للشراب .. وثلث للنفس

"Sepertiga untuk makanan, sepertiga untuk minuman dan sepertiga lagi untuk nafas."

Dalam konteks memerangi syahwat supaya menjadi seder hana Allah memerintahkan para hambaNya supaya mengawal pandangan. Allah berfirman:

قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ (30)

"Perintahkan kepada para Mukminin supaya mengawal sebahagian dari pandangan mereka."

(Surah Al-Nur: Ayat 30)

Allah memerintahkan supaya mengawal kehormatan. Firman Nya

قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ (30)

"...dan hendaklah mereka menjaga kehormatan mereka."

(Surah AI-Nur: Ayat 30)

Rasulullah mengingatkan tentang fitnah atau godaan wanita:

ما تركت بعدي فتنة اضر على الرجال من النساء

"Tidak ada fitnah yang Ku tinggalkan (di belakangKu) yang jebih besar bahayanya bagi lelaki dan wanita (itu sendiri)."

(Hadith muttafaqun 'alaihi)

Sabda beliau lagi:

النساء حبائل الشيطان ، ولولا هذه الشهوة
لما كان للنساء من سلطنة على الرجال

"Wanita itu tali temali (jerat) syaitan. Kalaulah tidak kerana syahwat nescaya wanita tidak mempunyai kuasa menundukkan lelaki."

(Ditakhrijkan oleh Al-Asfahani)

Dalam kitab Ihya Imam Al-Ghazzali menerangkan:

"Sebesar-besar syahwat ialah nafsu syahwat terhadap perempuan. Pemuasan syahwat ini kadang-kadang diturutkan secara keterlaluan, kadang-kadang keterlaluan dikekang dan kadang-kadang dipuaskan dengan sederhana. Keterlaluan diturutkan sangat atau ( ) ialah yang membutakan kecelikan akal, sehingga merubah himnaah lelaki; asyik kepada senggama dan tidak berusaha untuk mengikuti jalan akhirat. Atau sampai membelakangkan agama sehingga berani melakukan perbuatan durjana. Adapun jenis yang kedua ialah kerana lemah tenaga batin, tidak mampu memuaskan isteri. Inipun juga tercela. Yang baik dan terpuji ialah memuaskan syahwat ini secara sederhana. Nafsu ditundukkan kepada tuntutan akal dan syara', baik semasa Ia berkobar maupun semasa dikawal. Betapapun garangnya syahwat ini namun cara mengatasinya ialah dengan berlapar ataupun dengan kahwin sahaja."

Rasulullah menegaskan:

يا معشر الشباب عليكم بالباءة ، فمن لم يستطع فعليه بالصوم،
فالصوم له وجاء

"Wahal para pemuda! Hendaklah kalian berkahwin. Kalau tidak mampu maka hendaklah kalian berpuasa. Sesungguhnya puasa itu adalah penawar baginya."

Da1am konteks jihad melawan lidah Rasulullah bersabda:

امسك عليك لسانك .
وليسعك بيتك وابك على خطيئتك

"Kuasailah lidahmu, memadalah rumahmu (untuk berpeleseran) dan tangisilah kesalahan (dosa)mu sendiri."

(Ditakhrijkan oleh Al-Tarmizi)

Sebenarnya kejayaan seseorang pendakwah dalam dakwah dan keberkesanan dakwahnya dikalangan orang banyak bergantung kepada sampai di mana ia dapat menguasai lidahnya. Allah berfirman:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللّهِ لِنتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لاَنفَضُّواْ مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللّهِ إِنَّ اللّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ (159)

"Seandainya engkau kasar dan keras hati nescaya mereka bubar dan menjauhkan diri dan sekelilingmu."

(Surah Ali-Imran: Ayat 159)

Sikap menjaga lidah, memastikan ia berkata benar, menjauhkan diri dari mengumpat, menghasut, bohong dan sifat celupar, tanda Iman masih selamat dan sihat. Sifat ini melindung hati dari tercemar dan menyeleweng. Rasulullah pernah menjelaskan:

لا يستقيم ايمان العبد حتى يستقيم قلبه ..
ولا يستقيم قلبه حتى يستقيم لسانه

"Iman seseorang itu tidak akan betul melainkan apabila hatinya lurus. Dan hatinya tidak akan lurus sehinggalah lidahnya lurus (berkata benar)."

(Ditakhrijkan oleh Tabrani)

Menyedari hal ini saudara-saudara da'ei hendaklah berjihad melawan nafsu dan kehendak diri dengan berbagai jenis ibadah dan kepatuhan kepada Allah supaya hati menjadi bersih dan jernih. Alangkah banyak jalan dan cara yang boleh dibuat oleh orang-orang yang ingin meningkat. Pernah dikatakan bahawa Allah mempunyai ma'arij atau berbagai jenjang peningkatan sebanyak tarikan nafas makhluk-makhlukNya.

Kesimpulannya para da'ei harus menang dalam pertarungan melawan dan mengasuh nafsunya. Hanya dengan itu ia boleh menang di medan-medan yang lain. Tetapi jelas untuk mencapai kemenangan dalam hal ini bukan mudah. Kalaupun menang untuk suatu ketika namun belum tentu terlepas dari

pesonanya pada masa yang lain. Sebab itu mengawas nafsu dan diri dari masa ke semasa, waspada terhadap bisikan dan pujukannya adalah suatu cara yang paling mungkin dan selamat untuk menyelamat dan memberikan kekebalan kepada diri. Dengan cara ini dapatlah para da'ei mewujudkan dalam dirinya suatu kawalan dalaman yang berkesan. Rasulullah menegaskan:

اذا اراد الله بعبد
خيراً جعل له واعظاً من قلبه.

"Jika Allah hendakkan kebaikan untuk seseorang, Allah berikan (suara) penasihat dari dalam hatinya sendiri."

(Musnadu'l Firdaus)

Sabda Rasulullah lagi:

من كان له من قلبه واعظ ،
كان عليه من الله حافظ

"Siapa yang ada penasihat dari dalam hatinya maka adalah bagi dirinya pengawal dari Allah."

Sebab itu marilah kita menilai dan memperhitung diri kita sebelum kita benar-benar dihitung. Marilah kita timbang dan tilik diri kita sebelum ditilik dan ditimbang, supaya kita bersedia untuk menghadapi hari perhitungan besar nanti. Hari ini hari berbuat; tidak ada hisab (perhitungan). Pada hari Qiamat kelak ialah hari perhitungan bukan hari berbuat atau beramal. Oleh sebab itu marilah kita berdoa kepada Allah memohon sejahtera dan aman dan kehinaan di dunia dan azab akhirat. Wabillahhi'l musta'an.